A

Yap See Yah lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO W-09–363–10 TAHUN 2022
HADHARIAH SYED ISMAIL, AZMAN ABDULLAH AND AZMI ARIFFIN HHMR
23 SEPTEMBER 2024

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Kesalahan di bawah s 13 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 — Tuduhan secara bersesama dibawah s 34 Kanun Keseksaan — Perayu disabitkan bersalah oleh Mahkamah Tinggi dan
D *dihukum sepuluh tahun penjara — Sama ada terdapat bukti bahawa perayu membuat perancangan bersama untuk memperdagangan mangsa bagi tujuan eksploitasi seks — Sama ada keterangan saksi perayu melemahkan kes pihak pendakwaan — Sama ada terdapat merit dalam rayuan perayu — Sama ada*
E *rayuan terhadap sabitan dan hukuman harus dibenarkan*

Keterangan — Keterangan dokumentari — Kebolehterimaan — Sama ada tangkap layar perbualan mesej boleh diterima masuk sebagai ekshibit — Sama ada kesahihan dokumen diragui — Sama ada syarat-syarat di bawah s 90A Akta
F *Keterangan 1950 dipenuhi*

Mangsa yang pada ketika itu mengandung tiga bulan dan berada di dalam kesempitan kewangan telah ke Kuala Lumpur untuk bekerja sebagai pelayan dan menemani pelanggan minum arak. Setiba di stesen bas, mangsa dijemput
G oleh tertuduh kedua dan dibawa ke sebuah rumah. Tertuduh pertama ('perayu') dan tertuduh kedua kemudiannya menghantar mangsa ke sebuah apartment ('apartment tersebut') dimana mangsa mula bekerja dan melakukan hubungan seks dengan pelanggan di sebuah hotel dan bermalam di situ. Pada keesokkan harinya, mangsa telah pulang ke apartment tersebut dan bekerja
H melayan tiga orang lagi pelanggan sehingga hari ketiga. Kemudiannya, mangsa memberitahu perayu dan tertuduh kedua bahawa beliau mengandung dan tidak mahu lagi meneruskan pekerjaannya itu. Untuk mengelakkan mangsa daripada melarikan diri, perayu dan tertuduh kedua telah bertindak mengunci pintu apartment tersebut. Perayu dan tertuduh kedua kemudiannya
I bergilir-gilir menjaga dan hanya membuka pintu apartment tersebut untuk pelanggan-pelanggan mangsa yang datang ke apartment itu. Sejurusnya, seorang pelanggan yang dikenali sebagai Ng Lake Khoon ('SP4') telah datang ke apartment tersebut untuk melakukan hubungan seks dengan mangsa. Untuk tujuan itu, SP4 telah membayar RM500 kepada tertuduh kedua.

Semasa mangsa bersama-sama dengan SP4, mangsa telah memberitahu SP4 bahawa dia sedang mengandung dan tidak mahu melakukan hubungan seks dengan SP4. Mereka berdua tidak melakukan hubungan seks, tetapi hanya duduk berbual-bual di atas katil sahaja. Mangsa telah menceritakan masalahnya kepada SP4 dan memberitahu SP4 bahawa beliau telah dipukul oleh tertuduh kedua. SP4 telah mencadangkan kepada mangsa untuk memanggil tukang kunci atau membuat laporan kepada polis. Setelah itu, mangsa menghubungi nombor talian 999 melalui telefon bimbitnya dimana sepasukan anggota polis yang diketuai oleh lnspektor Safwan bin Khalid ('SP3') telah pergi ke apartment tersebut. SP3 mendapati mangsa dalam keadaan terkurung antara pagar besi dan pintu hadapan unit apartment tersebut. SP3 telah mengarahkan anggotanya untuk memotong kunci mangga pagar besi. Selepas mangsa terlepas daripada kurungan tersebut, SP3 telah menyemak butir pengenalan diri mangsa dan menghantar mangsa ke hospital bagi mendapatkan rawatan. Selanjutnya, mangsa telah dibawa ke balai polis dan dimana satu laporan polis dibuat. Berikutan itu, perayu dan tertuduh kedua dituduh dipertuduh di mahkamah sesyen di atas satu pertuduhan pindaan di bawah s 13 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, dibaca bersama-sama s 34 Kanun Keseksaan. hakim mahkamah sesyen ('HMS') antara lain telah: (a) menerima masuk sebagai eksh D26 tangkap layar (screenshot) perbualan mesej antara perayu dan mangsa ('eksh IDD26') yang dikemukakan oleh perayu; (b) membuat inferens bahawa mangsa cuba mengenakan perayu dan tertuduh kedua dengan ugutan untuk menyebarkan video seks dan gambar bogel di internet kerana tidak berjaya memperoleh wang RM30,000 sepertimana permintaan mangsa; (c) menerima pembelaan tertuduh kedua bahawa dia hanya bertindak seperti ejen dan bekerjasama untuk mendapatkan pelanggan bagi mangsa dan berhak mendapat 30% daripada bayaran perkhidmatan urut dan keterangan SB3 bahawa dia memberikan perkhidmatan urut telah mewujudkan keraguan munasabah dalam kes pendakwaan berkaitan elemen eksploitasi seks; dan (d) terdapat keraguan sama ada mangsa telah dikunci. Di akhir kes pembelaan, HMS telah membebaskan dan melepaskan perayu dan tertuduh kedua atas alasan pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Terkilan, pihak pendakwaan telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi. Notis rayuan hanya berjaya disempurnakan kepada perayu sahaja namun gagal diserahkan kepada tertuduh kedua. Kemudiannya, hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') telah membenarkan rayuan pihak pendakwaan dan mengenepikan perintah pembebasan dan pelepasan yang dibuat oleh HMS. HMT kemudiannya menyabitkan perayu di atas pertuduhan pindaan dan menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama sepuluh tahun berkuatkuasa dari tarikh jatuh hukum terhadap perayu. Manakala, rayuan pihak pendakwaan terhadap tertuduh kedua dibatalkan. Tidak berpuas hati, perayu telah merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap sabitan dan hukuman.

Diputuskan, menolak rayuan terhadap sabitan; membenarkan rayuan terhadap hukuman:

(1) Dokumen D26 ini hanya dirujuk kepada pegawai penyiasat ('SP6') sedangkan beliau bukanlah orang yang membuat penyataan seperti yang terkandung dalam D26. SP6 pasti tidak mengetahui secara peribadi isi kandungan yang terdapat di dalam D26. Perayu menyatakan bahawa perbualan mesej tersebut telah dicetak dengan menggunakan pencetak dirumahnya namun perayu tidak dapat mengingati jenama pencetak tersebut. Oleh itu, kesahihan dokumen tersebut amat diragui kerana tidak dapat dibuktikan sumbernya yakni sama ada melalui komputer atau terus daripada telefon bimbit. Sekiranya IDD26 dicetak daripada komputer, perayu tidak pernah membuktikan bahawa tiada sebarang kacau ganggu atau ubah suai yang dilakukan ke atas IDD26 tersebut. Dengan itu, IDD26 ini tidak sewajarnya ditandakan sebagai eksh D26. Ia sepatutnya kekal menjadi IDD26 sahaja (lihat perenggan 83 & 86).

(2) IDD26 tidak boleh ditandakan dan dijadikan sebagai eksh D26 kerana penerimaan masuk eksh D26 ini telah dibuat melalui keterangan perayu sendiri (ketika di peringkat pembelaan) yang juga merupakan tertuduh di dalam kes ini. Malah telefon bimbit bernombor 018-xxxxxxx juga adalah milik peribadi perayu. Nyata, perayu merupakan orang yang bertangungjawab bagi pengurusan pengendalian telefon bimbitnya atau bagi perjalanan aktiviti yang baginya telefon bimbit itu digunakan dan perayu terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pengeluaran D26 yang terhasil daripada telefon bimbitnya itu. Justeru, hakim mahkamah sesyen telah terkhilaf apabila menerima masuk eksh D26 sebagai keterangan. Dengan itu, HMT adalah betul apabila memutuskan bahawa pihak pembelaan gagal untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah s 90A Akta Keterangan 1950 (lihat perenggan 57 & 90).

(3) Keterangan SB3 tidak sedikit pun mampu untuk melemahkan kekuatan kes pendakwaan apatah lagi untuk menimbulkan keraguan di dalam kes pendakwaan. SD3 hanya hadir di peringkat pembelaan sebagai saksi 'bidan terjun' sahaja. Jika benar SD3 bekerja sebagai tukang urut dengan tertuduh kedua, kami percaya SB3 pasti mengenali mangsa kerana mereka berdua bekerja di bawah penyeliaan dan pengawasan majikan yang sama iaitu tertuduh kedua. Kemunculan watak SB3 secara mendadak ini hanyalah merupakan suatu pemikiran terkemudian dan rekaan semata-mata sebagai ikhtiar terakhir untuk cuba melepaskan perayu daripada pertuduhan yang dihadapinya ini. Malangnya usaha ini tidak membuahkan hasil yang diharapkan (lihat perenggan 91 & 93).

(4) Terdapat keterangan yang melimpah-ruah yang membuktikan bahawa perayu dan tertuduh kedua telah membuat perancangan bersama untuk memperdagangan mangsa bagi tujuan eksploitasi seks. Keterangan

mangsa tentang dirinya diperalatkan untuk tujuan seks ini diperkuatkan lagi dengan keterangan tambahan yang diberikan oleh SP4 yang mengatakan bahawa beliau pergi ke apartment tersebut untuk melakukan hubungan seks dengan mangsa. Setelah SP4 membayar RM500 kepada tertuduh kedua barulah SP4 dibenarkan naik ke apartment tersebut. Tujuan SP4 melanggan mangsa adalah untuk mendapatkan perkhidmatan seks dan bukannya perkhidmatan urut. SP4 adalah seorang saksi yang bebas, kredibel, boleh dipercayai dan tiada sebab untuk bercakap bohong serta tiada motif untuk menganiaya perayu dan tertuduh kedua. Malah tiada juga keperluan untuk pihak pendakwaan membuktikan bahawa SP4 benar-benar telah melakukan hubungan seks dengan mangsa kerana sebelum itu pun mangsa sendiri telah mengakui ada melayan dan melakukan hubungan seks dengan pelanggan-pelanggan lain sebelum kedatangan SP4 (lihat perenggan 98–99).

(5) Tidak wujud keraguan bahawa mangsa telah dikunci di dalam apartment tersebut. Juga, niat bersama perayu dan tertuduh kedua untuk melakukan kesalahan ini telah dibuktikan dan perayu gagal menimbulkan keraguan di dalam kes pendakwaan. Oleh itu, tidak terdapat sebarang merit di dalam rayuan ini untuk mewajarkan mahkamah ini mengganggu dapatan terperinci yang telah dibuat HMT. Sabitan adalah selamat untuk dikekalkan. Bagi hukuman pula, setelah mempertimbangkan faktor kepentingan awam dan mitigasi perayu serta peranan yang dimainkan oleh perayu di dalam kes ini yang didapati tidaklah seaktif tertuduh kedua, adalah didapati hukuman pemenjaraan selama sepuluh tahun yang dijatuhkan oleh HMT adalah terlalu tinggi. Hukuman kini dikurangkan kepada lima tahun pemenjaraan (lihat perenggan 101–102, 107 & 113–114).

[English summary

The victim who was three months pregnant at the time and was in financial straits had gone to Kuala Lumpur to work as a waiter and attended customers drinking alcohol. Upon arrival at the bus station, the victim was picked up by the second accused and taken to a house. The first accused ('appellant') and the second accused then sent the victim to an apartment ('the apartment') where the victim started working and had sexual intercourse with a customer in a hotel and spent the night there. The next day, the victim returned to the apartment and worked to serve three more customers until the third day. Later, the victim told the appellant and the second accused that she was pregnant and no longer wanted to continue her job. To prevent the victim from escaping, the appellant and the second accused have locked the door of the apartment. The appellant and the second accused then took turns guarding and only opened the apartment door for the victim's customers who came to the apartment. Subsequently, a customer known as Ng Lake Khoon ('SP4') came to the

apartment to have sexual intercourse with the victim. For that purpose, SP4 has paid RM500 to the second accused. While the victim was with SP4, the victim told SP4 that she was pregnant and did not want to have sex with SP4. The two of them did not have sexual intercourse, but just sat chatting on the bed. The victim narrated his problem to SP4 and told SP4 that she was beaten by the second accused. SP4 has suggested to the victim to call a locksmith or make a report to the police. After that, the victim called 999 on her mobile phone where a team of policemen led by Inspector Safwan bin Khalid ('SP3') went to the apartment. SP3 found the victim trapped between the iron fence and the front door of the apartment unit. SP3 has ordered his members to cut the lock of the iron fence. After the victim was released from the confinement, SP3 checked the victim's identification details and sent the victim to the hospital for treatment. Further, the victim was taken to the police station where a police report was made. Subsequently, the appellant and the second accused were charged in the sessions court on an amended charge under s 13 of the Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007, read together with s 34 of the Penal Code. The session court judge ('SCJ') had, among other things: (a) admitted as exh D26 a screenshot of the message conversation between the appellant and the victim ('exh IDD26') tendered by the appellant; (b) made an inference that the victim tried to charge the appellant and the second accused with threats to spread sex videos and nude photos on the internet because they did not succeed in obtaining RM30,000 as requested by the victim; (c) accepted the defence of the second accused that he only acted as an agent and cooperated to get clients for the victim and was entitled to 30% of the massage service fee and SB3's evidence that he provided massage services had created reasonable doubt in the prosecution case related to the element of sexual exploitation; and (d) there was doubt as to whether the victim has been locked. At the end of the defence case, SCJ acquitted and released the appellant and the second accused on the grounds that the defence had succeeded in raising reasonable doubts against the prosecution's case. Aggrieved, the prosecution filed a notice of appeal to the High Court. The notice of appeal was only successfully served on the appellant but failed to be handed over to the second accused. Later, the High Court judge ('HCJ') allowed the prosecution's appeal and set aside the order of acquittal and discharge made by SCJ. HCJ then convicted the appellant on the amended charge and sentenced the appellant to imprisonment for ten years effective from the date of conviction. Meanwhile, the prosecution's appeal against the second accused was set aside. Dissatisfied, the appellant appealed to the Court of Appeal against the conviction and sentence.

Held, dismissing the appeal against the conviction; allow the appeal against the sentence:

(1) This document D26 was only referred to the investigating officer ('SP6') whereas he was not the person who made the statement as contained in

D26. SP6 must not have personally known the contents of D26. The appellant stated that the message conversation was printed using a printer at his home but the appellant could not remember the brand of the printer. Therefore, the validity of the document is very doubtful because it cannot be proven that the source was either through a computer or directly from a mobile phone. If the IDD26 was printed from a computer, the appellant never proved that no tampering or modification was done to the IDD26. Accordingly, this IDD26 should not be marked as exh D26. It should remain IDD26 only (see paras 83 & 86).

(2) IDD26 cannot be marked and used as exh D26 because the admission of exh D26 was made through the testimony of the appellant himself (during the defence stage) who was also the accused in this case. Even the mobile phone number 018-xxxxxxx was also the personal property of the appellant. Obviously, the appellant was the person responsible for the management of the operation of his mobile phone or for the course of activities for which the mobile phone is used and the appellant was involved directly or indirectly with the production of D26 resulting from his mobile phone. Thus, the sessions court judge erred when he admitted exh D26 as evidence. With that, HCJ was right when he hold that the defence failed to meet the requirements set out under s 90A of the Evidence Act 1950 (see paras 57 & 90).

(3) SB3's evidence was not even able to weaken the strength of the prosecution's case let alone to raise doubts in the prosecution's case. SD3 was only present at the defence stage as a last resort witness. If it was true that SD3 worked as a masseuse with the second accused, we believed that SB3 must have known the victim because they both worked under the supervision and management of the same employer, the second accused. The sudden appearance of SB3's character was just an afterthought and a mere fabrication as a last ditch effort to try to free the appellant from the charges he faced. Unfortunately, this effort did not yield the expected results (see paras 91 & 93).

(4) There were abundant evidence that proves that the appellant and the second accused have made a joint plan to traffic the victim for the purpose of sexual exploitation. The victim's testimony about herself being used for the purpose of sex was reinforced by the additional testimony given by SP4 who said that he went to the apartment to have sex with the victim. After SP4 paid RM500 to the second accused then SP4 was allowed to go up to the apartment. The purpose of SP4 paid the victim was to obtain sex services and not massage services. SP4 was an independent, credible, reliable witness and has no reason to lie and no motive to persecute the appellant and the second accused. In fact, there was no need for the prosecution to prove that SP4 really had sex with the victim because even before that the victim herself had admitted to serve

and had sexual intercourse with other customers before the arrival of SP4 (see paras 98–99).

(5) There was no doubt that the victim was locked in the apartment. Also, the joint intention of the appellant and the second accused to commit this offense was established and the appellant failed to raise any doubt in the prosecution case. Therefore, there was no merit in this appeal to justify this court interfering with the detailed findings made by the HCJ. Convictions are safe to uphold. As for the sentence, after considering the public interest factor and the appellant's mitigation as well as the role played by the appellant in this case who was found to be not as active as the second accused, it was found that the ten-year prison sentence handed down by the HCJ was too high. The sentence was now reduced to five years imprisonment (see paras 101–102, 107 & 113–114).]

Kes-kes yang dirujuk

(1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng, and (4) Ng Ah Kiat v PP [1987] 2 MLJ 336; [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ Rep 241, MA (dirujuk)

Ahmad Majmi bin Idris & Anor v PP and another appeal [2014] 3 MLJ 368; [2014] 1 LNS 148, MR (dirujuk)

DA Duncan v PP [1980] 2 MLJ 195, MP (dirujuk)

Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v PP [1983] 2 MLJ 232; [1983] 1 CLJ 138; [1983] CLJ Rep 721, MT (dirujuk)

Hanafi bin Mat Hassan v PP [2006] 4 MLJ 134; [2006] 3 CLJ 269, MR (diikut)

Kurchang Singh Wedhawa Singh v PP [1989] 2 CLJ 442, MT (dirujuk)

Megat Halim bin Megat Omar v Pendakwa Raya [2008] MLJU 647; [2009] 1 CLJ 154, MR (dirujuk)

Mok Yii Chek v Sovo Sdn Bhd & Ors [2015] MLJU 2374; [2015] 1 LNS 448, MT (dirujuk)

PP v Lim Chooi Huat & Anor [2011] MLJU 852, MT (dirujuk)

PP v Lin Lian Chen [1992] 2 MLJ 561; [1992] 1 CLJ Rep 285, MA (dirujuk)

PP v Siti Aishah & Anor and Another Case [2019] MLJU 1527; [2019] 10 CLJ 660; [2019] 1 LNS 440, MT (dirujuk)

Thiagarajan Selvam v PP [2014] 1 LNS 1796, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ss 2, 13

Akta Keterangan 1950 ss 3, 90A, 90A(1), (2)

Kanun Keseksaan s 34

Rayuan daripada: Rayuan Jenayah No WA-42LB-31–11 Tahun 2019 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

Grace Nathan (Grace S Nathan) bagi pihak perayu.
Noorhisham Mohd Jaafar (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak responden.

Azmi Ariffin HMR:

MUKADIMAH

[1] Pada asalnya perayu/tertuduh pertama (Yap See Yah) dan tertuduh kedua (Yew Khar Eik) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur di atas satu pertuduhan pindaan seperti berikut:

> Pertuduhan Pindaan:
>
> Bahawa kamu bersama-sama pada 18/05/2018 jam lebih kurang 0500, bertempat di Studio No 10-03, the Scott Garden, Batu 4, Jalan Klang Lama, 58000 Kuala Lumpur, dalam daerah Brickfields, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam mencapai niat bersama telah memperdagangkan Penama: Ang Jun Xiang nombor K/P: 980819–08– 5986 yang berumur 19 tahun 9 bulan bagi maksud eksploitasi seks dengan cara ancaman menggunakan kekerasan dan memaksa dan dengan yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 13 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, dibaca bersama-sama seksyen 34 Kanun Keseksaan.
>
> Hukuman:
>
> Jika disabitkan kesalahan bertanggungan dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada 3 tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga didenda.

[2] Perayu dan tertuduh kedua tidak mengaku bersalah dan memohon supaya dibicarakan.

[3] Di akhir kes pendakwaan, pada 24 Julai 2019, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana mendapati pihak pendakwaan telah berjaya mengemukakan suatu kes prima facie terhadap perayu dan tertuduh kedua dan memanggil mereka untuk membela diri di atas pertuduhan pindaan tersebut.

[4] Perayu dan tertuduh kedua memilih untuk memberikan keterangan mereka secara bersumpah di kandang saksi dan hanya memanggil seorang saksi pembelaan untuk memberi keterangan.

[5] Di akhir kes pembelaan, pada 30 Oktober 2019, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah membebaskan dan melepaskan perayu dan tertuduh kedua terhadap pertuduhan pindaan tersebut atas alasan pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Mahkamah juga mendapati pembelaan perayu dan tertuduh kedua bukanlah penafian semata-mata, tidak bersifat pemikiran terkemudian

(*afterthought*) dan adalah konsisten antara satu sama lain.

[6] Terkilan, pihak pendakwa raya telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap keputusan tersebut.

[7] Notis rayuan hanya berjaya disempurnakan kepada perayu sahaja namun gagal diserahkan kepada tertuduh kedua.

[8] Pada 29 September 2022, hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah membenarkan rayuan pendakwa raya dan mengenepikan perintah pembebasan dan pelepasan yang dibuat oleh mahkamah sesyen terhadap perayu dan tertuduh kedua. Perayu telah didapati bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan pindaan tersebut. Perayu telah dijatuhi hukuman seperti berikut:

(a) perayu dikenakan hukuman pemenjaraan selama sepuluh tahun penjara berkuatkuasa dari tarikh jatuh hukum; dan

(b) rayuan pendakwa raya terhadap tertuduh kedua dibatalkan.

[9] Tidak berpuashati dengan keputusan tersebut, pada 11 Oktober 2022, perayu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap sabitan dan hukuman.

[10] Pihak pendakwa raya tidak memfailkan rayuan terhadap perintah hakim Mahkamah Tinggi membatalkan rayuan pendakwa raya terhadap tertuduh kedua.

FAKTA KES PENDAKWAAN

[11] Mangsa/SP1 (Ang Jun Xiang) ketika kejadian berumur 19 tahun sembilan bulan. Beliau adalah seorang warganegara Malaysia dan telah berkahwin. Suaminya adalah seorang warganegara China dan menetap di negara China.

[12] Pada 16 Mei 2018, mangsa yang ketika itu masih mengandung tiga bulan dan berada di dalam kesempitan kewangan telah berlepas dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur dengan menaiki bas untuk bekerja sebagai pelayan dan menemani pelanggan minum arak selepas mengetahui tentang pekerjaan itu melalui *Facebook*.

[13] Setiba di Stesen Bas Terminal Bersatu Selatan Kuala Lumpur, mangsa dijemput oleh tertuduh kedua dan dibawa ke sebuah rumah. Mangsa dan perayu berbincang mengenai pekerjaan dan pendapatan. Mangsa mengakui mengetahui bahawa pekerjaan yang ditawarkan itu adalah suatu pekerjaan

maksiat namun mangsa tidak diberitahu skop perkerjaannya itu. Mangsa membuat keputusan untuk cuba bekerja selama beberapa hari. A

[14] Perayu dan tertuduh kedua kemudiannya telah menghantar mangsa ke Apartment Scott Garden Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur. Pada malam itu, mangsa mula bekerja dan melakukan hubungan seks dengan pelanggan di sebuah hotel dan bermalam di situ. B

[15] Pada keesokkan harinya mangsa telah pulang ke apartment tersebut dan bekerja melayan tiga orang lagi pelanggan sehingga hari ketiga. C

[16] Pada hari kedua, mangsa ada memberitahu kepada perayu dan tertuduh kedua bahawa beliau mengandung dan tidak mahu lagi meneruskan pekerjaannya itu. Untuk mengelakkan mangsa daripada melarikan diri, perayu dan tertuduh kedua telah bertindak mengunci pintu apartment tersebut. Perayu dan tertuduh kedua kemudiannya bergilir-gilir menjaga dan hanya membuka pintu apartment tersebut untuk pelanggan-pelanggan mangsa yang datang ke apartment itu. D

[17] Pada hari ketiga, tertuduh kedua mengugut mangsa untuk melakukan hubungan seks dengannya. Mangsa terpaksa melakukan hubungan seks dengan tertuduh kedua. Mangsa juga dipukul di bahagian paha kirinya dengan kayu baseball bat ('eksh P3') kerana mangsa enggan untuk melayan pelanggan-pelanggannya. E

F

[18] Pada jam lebih kurang sepuluh malam, seorang pelanggan yang dikenali sebagai Ng Lake Khoon ('SP4') telah datang ke apartment tersebut untuk melakukan hubungan seks dengan mangsa. Untuk tujuan itu, SP4 telah membayar RM500 kepada tertuduh kedua. Semasa mangsa bersama-sama dengan SP4, mangsa telah memberitahu SP4 bahawa dia sedang mengandung dan tidak mahu melakukan hubungan seks dengan SP4. Mereka berdua tidak melakukan hubungan seks, tetapi hanya duduk berbual-bual di atas katil sahaja. Mangsa telah menceritakan masalahnya kepada SP4 dan memberitahu SP4 bahawa beliau telah dipukul oleh tertuduh kedua. SP4 telah mencadangkan kepada mangsa untuk memanggil tukang kunci atau membuat laporan kepada polis. G H

[19] Pada malam yang sama, jam di antara satu hingga dua pagi, mangsa cuba untuk membuka kunci pintu apartment tersebut tetapi gagal. Mangsa kemudiannya telah menerima mesej daripada tertuduh kedua yang memberitahu mangsa supaya jangan buat perangai kerana tertuduh kedua mempunyai ramai kawan di sana yang sedang memerhatikan mangsa. I

[20] Mangsa juga mengatakan bahawa beliau ada menerima mesej daripada

tertuduh kedua memberitahu mangsa bahawa tertuduh kedua ada memiliki pasport, kad pengenalan dan gambar hubungan seks mangsa dengan pelanggannya. Tertuduh kedua mengugut akan menyiarkan gambar tersebut di dalam laman web. Hal itu menyebabkan mangsa berasa takut dan berfikir jika beliau melarikan diri dan ditangkap semula, mangsa mungkin akan dipukul dengan lebih teruk lagi.

[21] Mangsa menghubungi nombor talian 999 melalui telefon bimbitnya. Sepasukan anggota polis yang diketuai oleh lnspektor Safwan bin Khalid ('SP3') dari Balai Polis Brickfields telah pergi ke apartment tersebut. SP3 mendapati mangsa dalam keadaan terkurung antara pagar besi dan pintu hadapan unit apartment tersebut. SP3 telah mengarahkan anggotanya untuk memotong kunci mangga pagar besi dengan menggunakan pemotong besi. Selepas mangsa terlepas daripada kurungan tersebut, SP3 telah menyemak butir pengenalan diri mangsa dan menghantar mangsa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya bagi mendapatkan rawatan. Selanjutnya, mangsa telah dibawa ke Balai Polis Brickfields dan membuat satu Laporan Polis Brickfields 8021/18 ('eksh P1').

[22] Pada 22 Mei 2018 dan 23 Mei 2018, perayu dan tertuduh kedua telah ditangkap oleh pihak polis.

RINGKASAN PEMBELAAN PERAYU/TERTUDUH PERTAMA DI MAHKAMAH SESYEN

[23] Perayu di dalam pernyataan bertulisnya ('SB1') tidak menafikan ada membuat iklan tentang pekerjaan di aplikasi *Facebook*nya, tetapi ia hanya untuk pekerjaan urut yang diuruskan oleh suaminya iaitu tertuduh kedua.

[24] Perayu hanya membantu tertuduh kedua membuat iklan itu kerana tertuduh kedua tidak mahir menggunakan internet.

[25] Tertuduh kedua mengambil mangsa di Stesen Bas Terminal Bersepadu Selatan dan membawa ke apartment tersebut.

[26] Perayu memberitahu bahawa mangsa yang mula bertanyakan mengenai kerja kosong sebagai tukang urut dan perayu menyatakan bahawa beliau perlu berbincang lanjut dengan tertuduh kedua.

[27] Selepas perbincangan, mangsa setuju mengurut badan pelanggan yang dicari oleh tertuduh kedua dengan mengambil 30% sebagai bayaran komisen dan bakinya diserahkan kepada tertuduh kedua.

[28] Perayu menafikan mengetahui sebarang urusan lain berkaitan

perniagaan urut suaminya, tidak pernah mengatur sebarang pelanggan untuk mangsa, tidak tahu tentang bayaran pelanggan kepada mangsa dan tidak pernah menerima sebarang bayaran daripada pelanggan mangsa. A

[29] Perayu menyatakan mangsa ada menghantar kepadanya video mengenai hubungan seks mangsa dengan tertuduh kedua melalui aplikasi *Whatsapp*. Ini telah menyebabkan perayu dan tertuduh kedua bergaduh. B

[30] Perayu menerima mesej *Whatsapp* daripada mangsa yang ingin meminjam wang sebanyak RM30,000 daripada perayu tetapi perayu tidak mempunyai wang sebanyak itu. Mangsa mengugut untuk menyebarkan video seks dan gambar bogel tertuduh kedua di internet dan *Facebook*. C

[31] Perayu telah memberitahu tertuduh kedua tentang perkara tersebut tetapi tertuduh kedua meminta perayu supaya mengabaikan sahaja hal tersebut. Selepas itu mangsa tidak lagi menghubungi perayu. D

[32] Pada 19 Mei 2019, mangsa telah menghubungi tertuduh kedua melalui telefon dan meminta perayu dan tertuduh kedua supaya datang untuk berjumpa dengannya di Pusat Perubatan Universiti Malaya kerana mangsa sakit dan meminta untuk belikan makanan. E

[33] Perayu dan tertuduh kedua kemudiannya telah pergi ke hospital tersebut untuk melawat dan membawa makanan kepada mangsa. Hanya perayu sahaja yang telah naik ke wad hospital untuk berjumpa dengan mangsa, manakala tertuduh kedua menunggu di dalam kereta bersama anaknya yang berusia empat tahun ketika itu. Perayu kemudiannya telah ditangkap oleh pihak polis di situ. F

G

[34] Perayu dan tertuduh kedua tidak pernah menawarkan apa-apa pekerjaan yang melibatkan perkhidmatan seks kepada mana-mana orang.

[35] Perayu tidak pernah naik atau masuk ke apartment tersebut dan tidak membuka, menutup atau mengunci pintu apartment itu. Mangsa tidak pernah dikurung atau dihalang untuk keluar masuk daripada apartment tersebut. H

[36] Tertuduh kedua tidak menjalankan apa-apa aktiviti pelacuran dan tidak pernah mengurung mangsa di dalam apartment tersebut. Mangsa sendiri yang menyewa apartment tersebut. I

[37] Motif mangsa yang mendakwa perayu dan tertuduh kedua mengurungnya dan memaksa untuk bekerja sebagai pelacur adalah kerana

perayu dan tertuduh kedua enggan memberikan wang RM30,000 kepada mangsa sepertimana yang diminta.

[38] Tertuduh kedua membuat bayaran RM15,000 kepada mangsa kerana mangsa berjanji akan menarik balik laporan polis yang dibuatnya terhadap perayu dan tertuduh kedua.

[39] Perayu dan tertuduh kedua tidak membuat laporan polis selepas diugut oleh mangsa kerana mereka berdua takut video seks dan gambar bogel tertuduh kedua dimuatnaik dalam internet dan *Facebook*.

RINGKASAN KETERANGAN TERTUDUH KEDUA DI MAHKAMAH SESYEN

[40] Tertuduh kedua menjalankan perniagaan perkhidmatan urutan badan. Perayu hanya membantunya untuk membuat iklan kerja kosong sebagai tukang urut di akaun *Facebook*.

[41] Tertuduh kedua mengenali mangsa melalui perayu. Mangsa menghubungi perayu bertanyakan kerja kosong sebagai tukang urut.

[42] Perayu mengambil mangsa yang ingin bekerja sebagai tukang urut di Terminal Bersepadu Selatan dan menghantar ke apartment tersebut yang ditempah sendiri oleh mangsa.

[43] Selepas perbincangan, mangsa setuju mengurut badan pelanggan yang dicari oleh tertuduh kedua dan akan mengambil 30% daripada bayaran mengurut tersebut sebagai *referral fee* atau komisen dan bakinya adalah menjadi milik mangsa.

[44] Pada malam 16 Mei 2018, tertuduh kedua pergi ke apartment tersebut setelah diminta oleh mangsa untuk membeli makanan. Tertuduh kedua dan mangsa kemudiannya melakukan hubungan seks.

[45] Pada 17 Mei 2018, tertuduh kedua telah menerima video hubungan seksnya dengan mangsa dan gambar bogelnya yang dihantar oleh perayu melalui *Whatsapp*. Tertuduh kedua sangat marah kerana mangsa merakam video tersebut dengan menggunakan telefon bimbit dan menghantar video tersebut dan gambar bogelnya kepada perayu.

[46] Tertuduh kedua tahu mangsa mengugut perayu untuk menyebarkan video tersebut dan gambar bogel tertuduh kedua di internet dan *Facebook* apabila perayu enggan memberi pinjaman RM30,000 kepada mangsa.

Tertuduh kedua memberitahu perayu supaya abaikan sahaja ugutan mangsa itu. A

[47] Tertuduh kedua dan perayu pergi ke Pusat Perubatan Universiti Malaya untuk melawat dan membawa makanan kepada mangsa. Tertuduh kedua menunggu di dalam kereta manakala perayu berjumpa dengan mangsa. B

[48] Tertuduh kedua tidak pernah menawarkan apa-apa pekerjaan yang melibatkan perkhidmatan seks kepada mana-mana orang.

C

[49] Perayu tidak pernah naik atau masuk ke dalam apartment tersebut dan tidak bertugas menjaga pintunya. Mangsa tidak pernah dikurung atau dihalang untuk keluar masuk daripada apartment tersebut.

[50] Tertuduh kedua hanya berjaya membawa dua orang pelanggan untuk diurut badan oleh mangsa dan bukan untuk perkhidmatan seks. D

[51] Tertuduh kedua menafikan mengurung mangsa di dalam apartment tersebut. Mangsa sendiri yang menyewa apartment itu.

E

[52] Tertuduh kedua juga menafikan ada memukul mangsa setelah mangsa ingin berhenti kerja dan enggan melayan pelanggan.

[53] Motif mangsa mendakwa tertuduh kedua dan perayu mengurungnya dan memaksa untuk bekerja sebagai pelacur adalah kerana mereka tidak mahu memberikan wang RM30,000 kepada mangsa. F

[54] Tertuduh kedua tidak membuat laporan polis selepas diugut oleh mangsa kerana takut video seks dan gambar bogelnya dimuatnaik dalam internet dan *Facebook*. G

[55] Tertuduh kedua membuat bayaran RM15,000 kepada mangsa kerana mangsa berjanji akan menarik balik laporan polisnya.

H

[56] Tertuduh kedua membayar wang RM15,000 tersebut bukan kerana mereka bersalah tetapi kerana berada dalam keadaan tertekan dan terdesak. Perayu dan tertuduh kedua tidak mahu mengambil risiko didapati bersalah di mahkamah kerana tiada siapa akan menjaga anak kecil mereka jika mereka berdua dipenjarakan. I

A RINGKASAN KETERANGAN LIM LAI MAY ('SB3') DI MAHKAMAH SESYEN

[57] Tertuduh kedua menjalankan perniagaan urut badan.

B

[58] Beliau bertugas sebagai tukang urut badan dengan tertuduh kedua kerana memerlukan wang untuk membayar ansuran keretanya.

[59] Tertuduh kedua akan memperkenalkan pelanggan kepada SB3 dan
C pelanggan akan pergi ke satu unit kondominium di ICT Shah Alam yang disewa oleh tertuduh kedua bagi mendapatkan perkhidmatan urut daripada SB3.

[60] Tertuduh kedua akan mengambil 30% daripada bayaran sebanyak
D RM200 untuk dua jam perkhidmatan urut yang dikenakan oleh SB3.

[61] SB3 menafikan tertuduh kedua ada menawarkan atau memaksanya untuk memberikan perkhidmatan seks.

E

[62] SB3 tidak mempunyai pengetahuan siapa lagi yang bekerja sebagai tukang urut.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN

F

[63] Seksyen 2 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 mendefinasikan seperti berikut:

> kanak-kanak ertinya seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun.
>
> G 'Pemerdagangan orang' ertinya segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan, dan termasuklah perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang bagi maksud Akta ini.
>
> 'paksaan' ertinya —
>
> H
> (a) ancaman kecederaan berat kepada atau sekatan fizikal terhadap mana-mana orang;
>
> (b) apa-apa skim, rancangan atau corak yang diniatkan untuk menyebabkan seseorang untuk mempercayai bahawa kegagalan untuk menjalankan sesuatu perbuatan akan mengakibatkan kecederaan berat kepada atau
> I sekatan fizikal terhadap mana-mana orang; atau
>
> (c) penyalahgunaan atau ancaman penyalahgunaan proses undang- undang.

[64] Seksyen 13 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan

Migran 2007 memperuntukkan seperti berikut:

13 Kesalahan pemerdangan orang dengan cara ancaman, kekerasaan, dsb

Mana-mana orang, yang memperdagangkan orang yang bukan merupakan seorang kanak-kanak, bagi maksud eksploitasi, dengan satu atau lebih cara yang berikut:

(a) ancaman;

(b) penggunaan kekerasan atau bentuk paksaan yang lain;

(c) pemelarian;

(d) fraud;

(e) perdayaan;

(f) penyalahgunaan kuasa;

(g) penyalahgunaan kedudukan orang yang mudah terdedah kepada bahaya perbuatan pemerdagangan orang; atau

(h) pemberian atau penerimaan bayaran atau faedah untuk memperoleh kerelaan seseorang yang mempunyai kawalan ke atas orang yang diperdagangkan;

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun, dan boleh juga didenda.

[65] Seksyen 34 Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti berikut:

Tiap-tiap seorang daripada beberapa orang bertanggung atas suatu perbuatan yang dilakukan oleh semuanya seolah-olah dilakukan olehnya seorang.

Apabila suatu perbuatan jenayah dilakukan oleh beberapa orang bagi mencapai niat bersama mereka semuanya, tiap-tiap seorang daripada mereka itu adalah bertanggung atas perbuatan itu sama seperti seolah- olah perbuatan itu telah dilakukan olehnya seorang.

Elemen-Elemen Pertuduhan Di Bawah seksyen 13 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007

(i) Mangsa bukan seorang kanak-kanak;

(ii) Perayu dan tertuduh kedua telah memperdagangkan mangsa:

(iii) Mangsa telah diperdagangkan bagi maksud eksploitasi seks dengan cara ancaman menggunakan kekerasan dan memaksa untuk bekerja sebagai pelacur; dan

(iv) Perayu dan tertuduh kedua mempunyai niat bersama untuk memperdagangkan mangsa bagi maksud eksploitasi seks dengan cara ancaman menggunakan kekerasan dan memaksa untuk bekerja sebagai pelacur.

A RINGKASAN DAPATAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN DI AKHIR KES PEMBELAAN

[66] Tangkap layer (*screenshot*) perbualan mesej antara perayu dan mangsa ('eksh IDD26') yang dikemukakan oleh perayu boleh diterima masuk sebagai eksh D26.

[67] Pembelaan tertuduh kedua bahawa dia hanya bertindak seperti ejen dan bekerjasama untuk mendapatkan pelanggan bagi mangsa dan berhak mendapat 30% daripada bayaran perkhidmatan urut dan keterangan SB3 bahawa dia memberikan perkhidmatan urut telah mewujudkan keraguan munasabah dalam kes pendakwaan berkaitan elemen eksploitasi seks.

[68] SP4 mengesahkan mangsa tidak membuat sebarang tawaran perkhidmatan seks melalui aplikasi *WeChat* dan SP4 juga tidak melakukan sebarang hubungan seks dengan mangsa walaupun SP4 telah membayar RM500 kepada tertuduh kedua dan hanya duduk berbual-bual sahaja dengan mangsa di apartment tersebut. Empat atau lima orang yang dikatakan pelanggan mangsa dan telah melakukan hubungan seks dengan mangsa juga tidak dipanggil untuk memberi keterangan atau ditawarkan kepada pihak pembelaan.

[69] Telefon bimbit perayu dan tertuduh kedua juga telah dirampas dan berada dengan pihak polis dan tidak pernah dikemukakan kepada mahkamah. Kemungkinan terdapat fakta berkaitan motif mangsa yang tidak dikemukakan kepada mahkamah.

[70] Terdapat inferens tentang motif mangsa terhadap perayu dan tertuduh kedua. Mangsa ada menerima RM15,000 dan berjanji untuk menarik balik kesnya terhadap perayu dan tertuduh kedua. Maka isu tentang motif mangsa cuba mengenakan perayu dan tertuduh kedua dengan ugutan untuk menyebarkan video seks dan gambar bogel di internet kerana tidak berjaya memperoleh wang RM30,000 sepertimana permintaan mangsa tidak boleh diketepikan begitu sahaja.

[71] Terdapat keraguan sama ada benar-benar mangsa telah dikunci di dalam apartment tersebut.

[72] Pembelaan perayu dan tertuduh kedua bukanlah suatu pemikiran terkemudian.

[73] Pihak pembelaan telah berjaya mewujudkan satu keraguan munasabah

di dalam kes pendakwaan dan pihak pendakwaan gagal membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah.

DAPATAN HAKIM MAHKAMAH TINGGI DI AKHIR KES PEMBELAAN

[74] Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana di dalam alasan penghakimannya memutuskan seperti berikut dan kami petik:

[26] Di hadapan saya TPR membangkitkan lima isu:

(i) penerimaan masuk IDD 26 sebagai eksh D26;

(ii) kebolehterimaan keterangan SB 3, peranan responden kedua sebagai ejen yang menerima 30% komisen dan peranan responden kedua dalam mengeksploitasi seks terhadap SP1;

(iii) dapatan tiada sebarang perkhidmatan seks ditawarkan melalui aplikasi *WeChat* dan SP4 tidak melakukan hubungan seks;

(iv) inferens berkenaan motif SP1 terhadap responden pertama dan responden kedua yang mengugut untuk menyebarkan video seks dan gambar bogel responden kedua jika tidak membayar RM30,00 kepadanya; dan

(v) terdapat keraguan sama ada benar SP1 telah dikunci.

lsu pertama: Penerimaan masuk IDD 26 sebagai eksh D26

[27] TPR berhujah eksh D26 tidak wajar diterima masuk sebagai keterangan kerana keperluan di bawah s 90A(1) dan (2) Akta Keterangan tidak dipenuhi oleh responden pertama. Selanjutnya eksh D26 juga tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan di bawah s 90A(7) Akta Keterangan.

[28] Peguam responden pertama berhujah eksh D26 bukan suatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer dalam perjalanan penggunaan yang biasa tetapi merupakan gambar yang di ekstrak daripada telefon bimbit. Oleh itu peruntukan s 90A Akta Keterangan tidak terpakai. Seksyen 60 Akta Keterangan adalah terpakai untuk menerima D26 sebagai ekshibit.

[29] Ekshibit D26 adalah tangkap layar perbualan mesej dalam Bahasa Cina antara responden pertama dan SP1 pada 17 Mei 2018 menerusi telefon bimbit responden pertama nombor 018–2949257 dan telefon bimbit SP1 nombor 017–7251650. Terjemahan oleh jurubahasa kepada Bahasa Melayu eksh D26 adalah di ms 365 rekod rayuan Jld 2(b). Secara ringkas perbualan mesej itu menyatakan RM30,000 anggap SP1 pinjam daripada responden pertama, responden pertama tidak dapat membantu kerana tidak ada wang dan SP1 mengugut untuk menyebarkan gambar bogel responden kedua di internet apabila responden pertama tidak dapat membantu.

[30] Responden pertama menerima mesej daripada SP1 dalam telefon bimbitnya. Responden pertama yang mengambil tangkap layar perbualan mesej itu.

A Responden pertama yang mencetak tangkap layar perbualan mesej itu menggunakan pencetak di rumahnya.

[31] Ekshibit D26 tidak seharusnya diterima masuk sebagai keterangan. Dalam pemeriksaan balas pihak pembelaan langsung tidak merujuk eksh D26 kepada SP1 untuk mengesahkan kewujudan dan kebenaran kandungannya. Kewujudan dan kebenaran kandungan eksh D26 adalah diragukan. Ekshibit D26 hanya dirujuk kepada pegawai penyiasat DSP Arikrishnan a/l Apparau ('SP6'). SP6 bukan orang yang membuat pernyataan seperti yang terkandung dalam eksh D26. Semestinya SP6 tidak mengetahui sendiri tentang perkara yang diperkatakan dalam penyataan seperti yang terkandung dalam eksh D26. Jelasnya eksh D26 adalah dokumen yang direka-reka oleh responden pertama.

[32] Dalam apa jua keadaan eksh D26 adalah suatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer yang mana kebolehterimaannya adalah tertakluk kepada s 90A(1) dan (2) Akta Keterangan. Saya tidak setuju dengan hujahan peguam responden pertama bahawa eksh D26 bukan suatu dokumen yang dikeluarkan oleh computer. Responden pertama menerima mesej daripada SP1 dalam telefon bimbitnya. Semestinya mesej yang diterima itu disimpan dalam data telefon bimbit responden pertama. Responden pertama yang mengambil tangkap layar perbualan mesej itu. Responden pertama yang mencetak tangkap layar perbualan mesej itu menggunakan pencetak di rumahnya. Perbualan mesej itu dikeluarkan dari dalam data telefon bimbit responden pertama. Takrif komputer dalam s 3 Akta Keterangan 'means ... and includes any data storage facility or communications facility directly related to or operating in conjunction with such device ...'. Ekshibit D26 adalah termasuk dalam takrif dokumen di bawah s 3 Akta Keterangan. Telefon bimbit adalah termasuk dalam takrif komputer di bawah s 3 Akta Keterangan. Oleh itu eksh D26 adalah suatu dokomen yang dikeluarkan oleh komputer. Ekshibit D26 mesti memenuhi keperluan s 90A Akta Keterangan sebelum ianya diterima sebagai keterangan. Tiada keterangan bahawa telefon bimbit dan pencetak dalam keadaan baik dan beroperasi dengan baik dari segala segi. Keperluan di bawah s 90A(4) Akta Keterangan tidak dipenuhi oleh responden pertama. Maka eksh D26 tidak boleh diterima sebagai keterangan.

[33] Selanjutnya eksh D26 adalah dikemukakan sendiri oleh responden pertama yang merupakan salah seorang tertuduh dalam kes ini. Telefon bimbit adalah milik responden pertama. Dengan itu responden pertama merupakan orang yang bertanggungjawab bagi pengurusan pengendalian telefon bimbitnya atau bagi perjalanan aktiviti yang baginya telefon bimbit itu digunakan dan responden pertama terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pengeluaran eksh D26 daripada telefon bimbitnya. Oleh itu menurut peruntukan s 90A(7) Akta Keterangan eksh D26 juga tidak boleh diterima sebagai keterangan.

[34] Hakim bicara telah khilaf apabila menerima masuk eksh D26 sebagai keterangan.

lsu kedua: Kebolehterimaan keterangan SB3, peranan responden kedua sebagai ejen yang menerima 30% komisen dan peranan responden kedua dalam mengeksploitasi seks terhadap SP1.

[35] TPR berhujah keterangan SB3 tidak wajar diterima. Pihak pembelaan

langsung tidak memeriksa balas SP1 berkenaan kewujudan SB3. Watak SB3 hanya rekaan bagi membentuk satu keterangan sokongan. Peranan responden kedua sebagai ejen perkhidmatan urut yang menerima 30% komisen adalah suatu fikiran terkemudian kerana tidak pernah dibangkitkan ketika kes pendakwaan.

[36] Peguam responden pertama berhujah keterangan SB3 hanya untuk menunjukan bahawa responden kedua merupakan ejen yang mengambil upah 30% bagi setiap pelanggan yang diperkenalkan kepada SB3. Selanjutnya keterangan SB3 menunjukan bahawa responden kedua hanya merupakan ejen untuk urut sahaja dan bukan untuk seks. Hakim bicara mengambil kira bahawa SB3 memberi perkhidmatan urut dan keterangan SB3 adalah selaras dengan keterangan responden kedua.

[37] Saya telah menimbang keterangan SB3. Pada pandangan saya keterangan SB3 tidak menimbulkan satu keraguan munasabah dalam kes pendakwaan. SB3 dalam keterangannya tidak pernah sama sekali menyebut mengenai SP1. Keterangan SB3 langsung tiada kaitan dengan SP1. Adakah SB3 mengenali SP1, tiada keterangan. Adakah SB3 mempunyai pengetahuan apa pekerjaan yang dilakukan oleh SP1, tiada keterangan. Keterangan SB3 menunjukan dia langsung tidak mengetahui apa pekerjaan yang dilakukan oleh SP1. Keterangan SP1 menunjukan dia dipaksa oleh responden pertama dan responden kedua untuk memberikan perkhidmatan seks. SP4 yang pergi ke apartmen tersebut telah membuat bayaran kepada responden kedua bagi mendapatkan perkhidmatan seks daripada SP1.

lsu ketiga: Dapatan tiada sebarang perkhidmatan seks ditawarkan melalui aplikasi *WeChat* dan SP4 tidak melakukan hubungan seks.

[38] TPR berhujah keterangan SP4 adalah memadai bagi membuktikan responden pertama dan responden kedua telah memperdagangkan SP1 bagi tujuan eksploitasi seks. SP4 melanggan SP1 untuk tujuan seks. Responden kedua mengarahkan SP4 untuk naik ke apartmen tersebut. SP4 telah membuat bayaran kepada responden kedua bagi mendapatkan perkhidmatan seks. Pihak pendakwaan tidak perlu membuktikan SP4 melakukan hubungan seks dengan SP1.

[39] Peguam responden pertama berhujah SP4 yang menghubungi SP1 melalui *WeChat* dan berbual dengan SP1. Apa-apa perbualan mengenai adult service adalah antara SP4 dan SP1. Tiada keterangan yang boleh mengaitkan responden pertama dengan SP4. Peranan responden pertama hanya mengiklankan suatu iklan untuk mendapatkan pekerja urut badan. Keterangan SP4 menimbulkan syak wasangka kerana dia langsung tidak ingat berapakah jumlah sebenar wang yang diberikan kepada responden kedua. SP4 juga mempunyai selective memory.

[40] Peguam responden pertama dan responden kedua telah memeriksa balas SP4. Ketepatan, kebenaran dan kebolehpercayaan keterangan SP 4 telah diuji dalam pemeriksaan balas. Keterangan SP4 adalah selaras, tidak digoyah dan tidak tercabar ketika pemeriksaan balas. Keterangan SP4 tidak ada percanggahan ketara. Keterangan SP4 bukan sangat mustahil untuk dipercayai. SP4 adalah saksi yang boleh dipercayai. Keterangan SP4 adalah jelas bahawa dia pergi ke apartmen tersebut untuk melakukan hubungan seks dengan SP1. SP4 membayar RM500 kepada responden kedua bagi mendapatkan perkhidmatan seks daripada SP1.

Tujuan SP4 melanggan SP1 adalah untuk perkhidmatan seks dan bukan perkhidmatan urut.

[41] Walaupun tiada keterangan yang boleh mengaitkan responden pertama dengan SP4 tetapi responden kedua berada di apartmen tersebut. SP4 membayar RM500 kepada responden kedua bagi mendapatkan perkhidmatan seks daripada SP1. Responden kedua berkata SP4 boleh naik ke atas.

[42] Pertuduhan pindaan terhadap responden pertama dan responden kedua adalah dengan niat bersama di bawah s 34 Kanun Keseksaan. Niat bersama boleh dibuat inferens daripada fakta dan hal keadaan kes itu dan kelakuan tertuduh. Peranan yang dimainkan oleh responden pertama dan responden kedua dan peranan yang dimainkan bersama oleh responden pertama dan responden kedua menunjukan wujudnya *pre-arranged plan* di kalangan responden pertama dan responden kedua untuk melakukan kesalahan yang dipertuduhkan. lnferens munasabah daripada fakta dan hal keadaan kes ini apabila diambil bersama-sama membawa kepada hanya satu kesimpulan sahaja bahawa responden pertama dan responden kedua melakukan kesalahan yang dipertuduhkan dan mereka melakukan kesalahan tersebut *in concert pursuant to a pre-arranged plan*.

[43] Saya setuju dengan hujahan TPR bahawa tiada keperluan bagi pihak pendakwaan untuk membuktikan SP4 melakukan hubungan seks dengan SP1. Keterangan SP1 dan SP4 jelas menunjukan bahawa responden pertama dan responden kedua dengan niat bersama telah memperdagangkan SP1 bagi maksud eksploitasi seks.

lsu keempat: Inferens berkenaan motif SP1 terhadap responden pertama dan responden kedua yang mengugut untuk menyebarkan video seks dan gambar bogel responden kedua jika tidak membayar RM30,000 kepadanya.

[44] TPR berhujah hakim bicara bergantung kepada eksh D26 untuk membuat inferens berkenaan motif SP1 terhadap responden pertama dan responden kedua yang mengugut untuk menyebarkan video seks dan gambar bogel responden kedua jika tidak membayar RM30,000 kepadanya. Jika eksh D26 tidak diterima masuk sebagai keterangan dapatan hakim bicara adalah berbeza. Adalah mustahil bagi hakim bicara untuk membuat inferens sedemikian.

[45] Peguam responden pertama berhujah fakta yang tidak boleh dinafikan ialah SP1 mengambil video seks dan gambar bogel responden kedua dan menghantar kepada responden pertama melalui telefon bimbit. Tidak masuk akal untuk menghantar gambar tersebut bagi merayu simpati dan bantuan responden pertama agar melepaskan SP1 daripada eksploitasi seks. lni amat bercanggah dengan perbualan dalam eksh D26. Hakim bicara membuat inferens yang betul berpihak kepada responden pertama dan responden kedua.

[46] Ekshibit D26 tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan maka hakim bicara tidak boleh bergantung kepadanya untuk membuat inferens berkenaan motif SP1 terhadap responden pertama dan responden kedua yang mengugut untuk menyebarkan video seks dan gambar bogel responden kedua jika tidak membayar RM30,000 kepadanya. Justeru hakim bicara telah khilaf apabila bergantung kepada eksh D26 untuk membuat inferens sedemikian.

[47] Dalam apa jua keadaan inferens yang dibuat oleh hakim bicara adalah bertentangan dengan keterangan yang dikemukakan di hadapannya. Dalam pemeriksaan balas SP1 tidak setuju bahawa dia mengugut responden pertama dan responden kedua untuk menyebarkan video seks dan gambar bogel responden kedua jika tidak dibayar RM30,000 kepadanya. Fakta yang tidak dipertikaikan ialah responden pertama dan responden kedua tidak pun membuat laporan polis berkenaan ugutan yang didakwa itu. Jika benar SP1 mengugut mereka mengapa mereka tidak membuat laporan polis. lnferens yang boleh dibuat daripada kegagalan mereka untuk membuat laporan polis ialah sebenarnya SP1 tidak pun mengugut mereka. lni selaras dengan keterangan SP1 bahawa dia tidak mengugut mereka. Fakta yang tidak dipertikaikan selanjutnya ialah responden kedua membuat bayaran RM15,000 kepada SP1 untuk menarik balik laporan polisnya. Mengapa responden kedua membuat bayaran RM15,000 kepada SP1 untuk menarik balik laporan polisnya. Bukankah ini menunjukan responden pertama dan responden kedua memperdagangkan SP1 bagi maksud eksploitasi seks sebagaimana keterangan SP1.

lsu kelima: Terdapat keraguan sama ada benar SP1 telah dikunci.

[48] TPR berhujah hakim bicara membuat dapatan hanya berdasarkan kepada keterangan responden pertama dan responden kedua. Hakim bicara mengetepikan keterangan SP1, SP3 dan SP4 yang tidak pernah dicabar kredibilitinya dan menerima keterangan responden pertama dan responden kedua yang bersifat penafian semata-mata.

[49] Peguam responden pertama berhujah hakim bicara mengambil kira fakta dan membuat inferens sewajanya. Hakim bicara berpendapat amat mustahil bagi responden pertama dan responden kedua untuk melawat SP1 di hospital dan membeli makanan untuk SP1 sekiranya mereka mengunci dan mengurung SP1.

[50] Tiada keraguan bahawa sebenarnya SP1 telah dikunci dalam apartmen tersebut. SP1 memang dikunci dan dikurung dalam apartmen tersebut oleh responden pertama dan responden kedua. lni boleh dilihat daripada keterangan SP1, SP3 dan SP4 seperti berikut.

[51] Keterangan SP1 menunjukan bahawa responden pertama dan responden kedua mengunci apartmen tersebut dan dia tidak ada kunci untuk keluar selepas memberitahu dia mengandung dan tidak mahu meneruskan dengan pekerjaannya. Apabila pelanggan datang ke apartmen tersebut untuk mendapatkan perkhidmatan seks daripadanya responden pertama dan responden kedua bergilir-gilir membuka dan menutup pintu. Dia cuba untuk membuka pintu tetapi gagal. Dia menghubungi nombor 999 melalui telefon bimbit memaklumkan dirinya dikurung dalam apartmen tersebut. Polis datang dan membuka kunci.

[52] Keterangan SP3 menunjukan bahawa ketika tiba di apartmen tersebut bersama sepasukan anggota polis dia melihat SP1 berada di bahagian dalam pintu grill dan minta lepaskan diri dari dikurung. Pintu grill berkunci dengan mangga. Dia mengarahkan anggotanya untuk memecahkan mangga pintu grill.

[53] Keterangan SP4 menunjukan bahawa ketika tiba di apartmen tersebut responden kedua membuka pintu. SP1 memberitahu mahu lari tetapi tidak mempunyai kunci dan tidak boleh keluar.

A [54] Selepas diselamatkan daripada apartmen tersebut SP1 dibawa ke Balai Polis Brickfields dan diserahkan kepada SP6. SP1 dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya untuk rawatan. Jelasnya SP1 boleh keluar dari apartmen tersebut dan berada di Pusat Perubatan Universiti Malaya setelah diselamatkan oleh SP3. Responden pertama dan responden kedua yang pergi ke Pusat Perubatan Universiti
B Malaya untuk melawat dan membawa makanan untuk SP1 adalah selepas dia diselamatkan dan bukan sebelum itu. Justeru tidak timbul isu bagaimana SP1 boleh keluar dari apartmen tersebut dan berada di Pusat Perubatan Universiti Malaya.

[55] Pembelaan responden pertama dan responden kedua bahawa SP1 tidak pernah dikurung dalam apartmen tersebut adalah penafian semata- mata. Penafian
C semata-mata oleh responden pertama dan responden kedua tidak boleh mengatasi keterangan positif, jelas dan tegas oleh SP1, SP3 dan SP4 bahawa sebenarnya SP1 dikunci dan dikurung dalam apartmen tersebut oleh responden pertama dan responden kedua.

D [56] Pembelaan responden pertama dan responden kedua bahawa SP1 mengurut badan pelanggan yang dicari oleh responden kedua dengan responden kedua mengambil 30% daripada bayaran mengurut dan baki diserahkan kepada SP1 adalah suatu fikiran terkemudian. Pembelaan sedemikian tidak pernah ditimbulkan ketika kes pendakwaan dan tidak pernah dicadangkan kepada SP1 dan hanya timbul pertama kali ketika kes pembelaan. Pembelaan bersifat suatu fikiran
E terkemudian wajar ditolak.

[57] Pembelaan responden pertama bahawa responden kedua tidak menjalankan apa-apa aktiviti pelacuran dan pembelaan responden kedua bahawa dia membawa pelanggan untuk diurut badan oleh SP1 dan bukan pelanggan perkhidmatan seks adalah penafian semata-mata. Penafian semata-mata oleh responden pertama dan
F responden kedua tidak boleh mengatasi keterangan positif, jelas dan tegas oleh SP1 dan SP4 bahawa sebenarnya SP1 diperdagangkan bagi maksud eksploitasi seks oleh responden pertama dan responden kedua.

[58] Pembelaan responden pertama dan responden kedua bahawa motif SP1 yang mendakwa mereka mengurungnya dan memaksa untuk bekerja sebagai pelacur
G kerana mereka tidak memberikan wang RM30,000 kepadanya adalah penafian semata-mata. Penafian semata-mata oleh responden pertama dan responden kedua tidak boleh mengatasi keterangan positif, jelas dan tegas oleh SP1, SP3 dan SP4 bahawa sebenarnya responden pertama dan responden kedua mengunci dan mengurung SP1 dalam apartmen tersebut dan responden pertama dan responden
H kedua memperdagangkan SP1 bagi maksud eksploitasi seks.

[59] Pembelaan responden pertama dan responden kedua merupakan penafian semata-mata. Responden pertama dan responden kedua hanya menafikan keterangan pendakwaan terhadap mereka. Penafian semata mata tidak boleh dalam undang-undang menimbulkan satu keraguan munasabah dalam kes pendakwaan.
I Penafian semata-mata tidak boleh menepis (*dislodge*) kes pendakwaan. Dalam hal keadaan keterangan pendakwaan penafian semata-mata tidak menimbulkan satu keraguan munasabah dalam kes pendakwaan.

[60] Pembelaan responden pertama dan responden kedua tidak menimbulkan satu keraguan munasabah dalam kes pendakwaan.

[61] Saya telah meneliti keseluruhan kes. Tidak ada keraguan dalam kes pendakwaan. Kesalahan yang dipertuduhkan telah dibuktikan melampaui keraguan munasabah. Elemen niat bersama telah dibuktikan melampaui keraguan munasabah.

[62] Hakim bicara telah khilaf apabila membuat dapatan bahawa pembelaan responden pertama, pembelaan responden kedua dan keterangan SB3 telah menimbulkan satu keraguan munasabah dalam kes pendakwaan berkaitan elemen eksploitasi seks. Dapatan hakim bicara adalah bertentangan dengan keterangan yang dikemukakan dihadapannya. Terdapat keterangan yang lebih dari mencukupi bahawa responden pertama dan responden kedua bersalah bagi kesalahan yang dipertuduhkan.

[63] Rayuan pendakwa raya terhadap responden pertama dibenarkan. Keputusan hakim bicara yang melepaskan dan membebaskan responden pertama adalah diketepikan dan digantikan dengan responden pertama didapati bersalah bagi kesalahan yang dipertuduhkan.

[64] Rayuan pendakwa raya terhadap responden kedua yang tidak hadir pada pendengaran rayuan ini, saya tidak membuat apa-apa perintah dalam perkara rayuan yang *adverse* atau prejudis kepadanya selaras dengan s 314(1) KTJ. Waran tangkap yang dikeluarkan terhadap responden kedua dibatalkan.

[65] Responden pertama disabitkan dengan kesalahan yang dipertuduhkan.

[66] Saya telah menimbang hujahan peringanan hukuman oleh peguam responden pertama dan hujahan pemberatan hukuman oleh TPR. Saya mengambil kira kepentingan awam, kesalahan yang dilakukan oleh responden pertama adalah serius, fakta dan hal keadaan kes ini, responden pertama adalah pesalah pertama dan juga aliran hukuman (*trend of sentencing*) bagi kes yang serupa.

[67] Responden pertama dihukum dengan penjara sepuluh tahun. Hukuman berkuatkuasa dari tarikh keputusan disampaikan iaitu 29 September 2022.

KEPUTUSAN KAMI

[75] Bagi membuka tirai penghakiman ini kami ingin memulakan dengan fakta yang tidak dipertikaikan oleh kedua-dua pihak iaitu mangsa merupakan seorang warga negara Malaysia yang berumur 19 tahun 9 bulan. Dengan itu, mangsa bukanlah seorang kanak-kanak seperti yang didefinasikan di bawah s 2 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

Pertikaian pertama: Sama ada eksh D26 wajar diterima masuk sebagai keterangan

[76] Ekshibit D26 ini adalah tangkap layar ('screenshot') perbualan mesej dalam bahasa cina antara perayu dan mangsa pada 17 Mei 2018 menerusi telefon bimbit perayu nombor 018–2949257 dan telefon bimbit mangsa nombor 017–7251650. Perkara yang berkaitan dengan dokumen ini adalah seperti berikut:

A (a) perbualan mesej tersebut di antara lainnya menyatakan bahawa RM30,000 adalah dianggap mangsa pinjam daripada perayu, perayu tidak dapat membantu kerana tiada wang dan mangsa mengugut untuk menyebarkan gambar bogel tertuduh kedua di internet jika perayu tidak dapat membantu;

B (b) perayu menerima mesej daripada mangsa dalam telefon bimbitnya;

(c) perayu mengambil tangkap layar perbualan mesej tersebut; dan

(d) perayu mencetak tangkap layar perbualan mesej itu dengan C menggunakan pencetak di rumahnya.

[77] Timbalan pendakwa raya menghujahkan bahawa IDD26 ini tidak seharusnya diterima masuk sebagai keterangan dan ditandakan sebagai eksh D26 kerana kegagalan perayu untuk memenuhi keperluan di bawah s 90A D Akta Keterangan 1950.

[78] Disebaliknya pula, peguambela perayu menghujahkan bahawa kewujudan gambar bogel, video seks dan permintaan mangsa untuk wang RM30,000 telah diakui sendiri oleh mangsa dan juga oleh pegawai penyiasat E ('SP6'). Pihak pembelaan juga menghujahkan bahawa IDD26 mengandungi keterangan yang memihak kepada perayu dan cuba disembunyikan (*suppress*) oleh pihak pendakwaan kerana telefon bimbit perayu yang mengandungi segala mesej tersebut telah dirampas oleh pihak polis. Namun begitu bukan semua mesej itu dikemukakan oleh pihak pendakwaan semasa perbicaraan. F

[79] Berkaitan isu ini, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana di dalam alasan penghakimannya memutuskan seperti berikut dan kami petik:

> Mahkamah memutuskan bahawa ID(D)26 boleh ditanda sebagai eksh D26. G Mahkamah mendapati pihak pembelaan telah berjaya menunjukkan bahawa tertuduh pertama telah menerima mesej *Whatsapp* tersebut pada 17 Mei 2018 melalui telefon bimbitnya. Samsung Galaxy J7 yang didaftarkan atas No 018–2949257 dan kemudiannya telah dicetak menggunakan pencetak (*printer*) di rumahnya tetapi tertuduh pertama tidak dapat mengingati jenama pencetak. H Pihak pendakwaan tidak menafikan bahawa telefon bimbit tertuduh pertama tersebut telah dirampas oleh pihak Polis semasa siasatan (eksh P19). Dokumen 1D(D)26 juga menunjukkan mesej tersebut diterima daripada telefon bimbit yang bernombor 017–7251650. Keterangan daripada pegawai penyiasat (SP6) dan laporan polis SP1 (eksh P1) mengesahkan bahawa SP1 yang menggunakan telefon bimbit yang bernombor 017–7251650 tersebut. SP1 dan SP6 juga mengakui I tentang kewujudan gambar bogel dan video seks dalam keterangan mereka. Dalam keadaan sedemikian dan tambahan fakta bahawa telefon bimbit tertuduh pertama berada dengan pihak polis, mahkamah menerima 1D(D)26 sebagai D26.

[80] Sebelum kami menentukan sama ada bersetuju atau tidak dengan

dapatan yang dibuat di atas, adalah wajar bagi kami merujuk kepada s 90A Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan seperti berikut:

> 90A Admissibility of documents produced by computers, and of statements contained therein
>
> (1) In any criminal or civil proceeding a document produced by a computer, or a statement contained in such document, shall be admissible as evidence of any fact stated therein if the document was produced by the computer in the course of its ordinary use, whether or not the person tendering the same is the maker of such document or statement.
>
> (2) For the purposes of this section it may be proved that a document was produced by a computer in the course of its ordinary use by tendering to the court a certificate signed by a person who either before or after the production of the document by the computer is responsible for the management of the operation of that computer, or for the conduct of the activities for which that computer was used.
>
> ...
>
> (7) Notwithstanding anything contained in this section, a document produced by a computer, or a statement contained in such document, shall not be admissible in evidence in any criminal proceeding, where it is given in evidence by or on behalf of the person who is charged with an offence in such proceeding the person so charged with the offence being a person who was —
>
> (a) responsible for the management of the operation of that computer or for the conduct of the activities for which that computer was used; or
>
> (b) in any manner or to any extent involved, directly or indirectly, in the production of the document by the computer.

[81] Tidak dapat disangkal lagi bahawa eksh D26 adalah merupakan satu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer yang mana kebolehterimaannya adalah tertakluk kepada s 90A(1) dan (2) Akta Keterangan 1950. Komputer telah diberikan takrifan di bawah s 3 Akta tersebut yang memperuntukkan seperti berikut:

> 3 Interpretation
>
> ...
>
> 'computer' means an electronic, magnetic, optical, electrochemical, or other data processing device, or a group of such interconnected or related devices, performing logical, arithmetic, storage and display functions, and includes any data storage facility or communications facility directly related to or operating in conjunction with such device or group of such interconnected or related devices, but does not include an automated typewriter or typesetter, or a portable hand held calculator or other similar device which is non-programmable or which does not contain any data storage facility;

[82] Berdasarkan interpretasi peruntukan di atas adalah jelas bahawa telefon bimbit termasuk di dalam takrifan komputer di bawah s 3 Akta Keterangan

1950 dan eksh D26 adalah dokumen yang dikeluarkan oleh komputer. Dengan itu, dokumen ini wajib memenuhi syarat keperluan di bawah s 90A Akta yang sama sebelum ianya boleh diterima masuk sebagai keterangan. Ini jelas diterangkan di dalam kes *Hanafi bin Mat Hassan v Public Prosecutor* [2006] 4 MLJ 134; [2006] 3 CLJ 269, di mana Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Augustine Paul HMR (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> [23] A careful perusal of s 90A(1) reveals that in order for a document produced by a computer to be admitted in evidence it must have been produced by the computer in the course of its ordinary use. It is therefore a condition precedent to be established before such a document can be admitted in evidence under s 90A(1). The manner of establishing this condition has been as stipulated by s 90A(2) read with s 90A(3). Once the certificate is tendered in evidence the presumption contained in s 90A(4) is activated to establish that the computer referred to in the certificate was in good working order and was operating properly in all respects throughout the material part of the period during which the document was produced. Section 90A(4) must therefore be given its full effect as it has a significant role to play in the interpretation and application of s 90A. Ordinarily a certificate under s 90A(2) must be tendered in evidence in order to rely on the provisions of s 90A(3) and (4). However, the use of the words 'may be proved' in s 90A(2) indicates that the tendering of a certificate is not a mandatory requirement in all cases.
>
> In *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705; [2000] 4 CLJ 649, a plethora of authorities was referred to in ruling that facts to be presumed can, instead, be proved by other admissible evidence which is available (at pp 722–723). Thus, the use of the certificate can be substituted with oral evidence as demonstrated in *R v Shepherd* [1993] 1 All ER 225 in dealing with a provision of law similar to s 90A. Needless to say, such oral evidence must have the same effect as in the case of the use of a certificate. It follows that where oral evidence is adduced to establish the requirements of s 90A(1) in lieu of the certificate the presumptions attached to it, in particular, the matters presumed under s 90A(4) must also be proved by oral evidence.

[83] Berlandaskan kepada peruntukan undang-undang dan autoriti duluan yang dirujuk di atas, kami mendapati tiada keterangan yang berkenaan berada dalam keadaan baik dan beroperasi dengan baik dari segala segi sepanjang tempoh dokumen ini dikeluarkan. Dokumen D26 ini hanya dirujuk kepada pegawai penyiasat iaitu DSP Arikrishnan a/l Apparau ('SP6') sedangkan beliau bukanlah orang yang membuat penyataan seperti yang terkandung dalam D26. SP6 pasti tidak mengetahui secara peribadi isi kandungan yang terdapat di dalam D26.

[84] Yang peliknya kenapa di dalam pemeriksaan balas, eksh D26 ini tidak pernah dirujuk kepada mangsa bagi membolehkan mangsa mengesahkan kesahihan kandungannya. Kenapa hendak disembunyikan daripada

pengetahuan dan penglihatan mangsa sedangkan mangsa adalah saksi yang terbaik untuk menjawabnya dan dokumen tersebut juga boleh dikemukakan melaluinya sebagai ID.

[85] Adalah menjadi tanda tanya kami kenapa pihak pembelaan mengambil jalan yang berliku untuk mengemukakan dokumen tersebut sedangkan jalan yang lurus sudah terbentang di hadapan mata melalui keterangan mangsa. Walaupun kami tidak menafikan bahawa dokumen ini masih boleh ditandakan sebagai ID melalui SP6, namun SP6 bukanlah orang yang mengetahui secara peribadi apa yang terdapat di dalam D26 kerana perbualan melalui tulisan tersebut adalah di antara perayu dan mangsa sahaja. Di sini keraguan mula timbul berkenaan ketulenan dokumen tersebut.

[86] Perayu menyatakan bahawa perbualan mesej tersebut telah dicetak dengan menggunakan pencetak dirumahnya namun beliau tidak dapat mengingati jenama pencetak tersebut. Oleh itu, pada hemat kami kesahihan dokumen tersebut amat diragui kerana tidak dapat dibuktikan sumbernya yakni sama ada melalui komputer atau terus daripada telefon bimbit. Sekiranya IDD26 dicetak daripada komputer, perayu tidak pernah membuktikan bahawa tiada sebarang kacau ganggu atau ubah suai yang dilakukan ke atas IDD26 tersebut. Dengan itu, IDD26 ini tidak sewajarnya ditandakan sebagai eksh D26. Ia sepatutnya kekal menjadi IDD26 sahaja.

[87] Sebagai tambahan, IDD26 ini tidak boleh ditandakan dan dijadikan sebagai eksh D26 kerana penerimaan masuk eksh D26 ini telah dibuat melalui keterangan perayu sendiri (ketika di peringkat pembelaan) yang juga merupakan tertuduh di dalam kes ini. Malah telefon bimbit bernombor 018–2949257 juga adalah milik peribadi perayu. Nyata, pada pandangan kami, perayu merupakan orang yang bertangungjawab bagi pengurusan pengendalian telefon bimbitnya atau bagi perjalanan aktiviti yang baginya telefon bimbit itu digunakan dan perayu terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pengeluaran D26 yang terhasil daripada telefon bimbitnya itu.

[88] Sehubungan dengan itu, rujukan dibuat kepada kes *Mok Yii Chek v Sovo Sdn Bhd & Ors* [2015] MLJU 2374; [2015] 1 LNS 448 di mana Wong Kian Kheong PK (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

> 25. It is to be noted that for criminal cases, s 90A(7) EA does not allow an accused person to adduce a document printed from a computer when he or she is —
>
> (a) responsible for the management of the operation of the computer;
>
> (b) responsible for the conduct of the activities for which the computer is used; or

(c) in any manner or to any extent involved, directly or indirectly, in the production of the document by the computer.

[89] Sebagai perbandingan, status D26 di dalam kes ini boleh dibezakan dengan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan di dalam kes *Public Prosecutor v Siti Aishah & Anor and Another Case* [2019] MLJU 1527; [2019] 10 CLJ 660; [2019] 1 LNS 440 di mana mahkamah telah memutuskan untuk menerima masuk tangkap layar laman web *Facebook* tertuduh dan ditandakan sebagai ekshibit kerana segala keperluan di bawah s 90A(1) dan (2) Akta Keterangan 1950 telah berjaya dipenuhi. Kami perturunkan di bawah ini alasan keputusan tersebut:

Admissibility of exhs D176, D177, D186 and D193

[54] Those documents are as follow:

No	Exhibits	Date Tendered	Sources
1	D176 — Screenshot Facebook first accused	14 March 2018	Facebook
2	D176 — Screenshot Facebook first accused	14 March 2018	Facebook
3	D186 — Screenshot Facebook first accused	14 March 2018	Facebook
4	D193 — Screenshot Facebook first accused	14 March 2018	Facebook

[55] The prosecution objected to the tendering of these exhibits due to the following reasons:

(a) these exhibits are inadmissible under s 5 of the Evidence Act 1950 due to its relevancy;

(b) the prosecution submitted that all the four documents are irrelevant to disprove the charge against the first accused as it will not change the evidence adduced by the prosecution that the first accused was the person shown on the CCTV footage who had caused the death of the deceased. Moreover, these screenshots were not posted on Facebook on the day the incident took place. Thus, with or without these exhibits, the prosecution had proved that the 'actus reus' was done by the accused persons;

(c) the acceptance of these documents does not fulfill the procedure provided under the law; and

(d) the prosecution submitted that the maker of the document or the person who printed out the document must be called as a witness but neither of this was done by the defence counsel for the first accused. Hence, without this piece of evidence, the authenticity of D176, D177, D186 and D193 is still in question. Furthermore, it shall only be admissible as evidence if it was produced by a computer in the course of its ordinary use as provided under s 90A of the Evidence Act 1950.

[56] The Court of Appeal in the case of *Mesnayo bin Longdi v Public*

Prosecutor [2016] 2 MLJ 264; [2015] CLJU 1156; [2015] 1 LNS 1156 at p 10 opined that:

> [30] Firstly, we need only say that in law a certificate under s 90A(2) was not the only method to prove that a document was produced by a computer 'in the course of its ordinary use' under s 90A(1) of the EA. The fact that a document was produced by a computer in the course of its ordinary use may be proved by the tendering in evidence of a certificate under s 90A(2) or by oral evidence. Such oral evidence must consist not only a statement that the document was produced by a computer in the course of its ordinary use but of also the matters presumed under s 90A(4) (good working order) (see Federal Court in *Ahmad Najib bin Aris v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 613; [2009] 2 CLJ 800 which approved the analysis of s 90A by Augustine Paul JCA (as he then was) in *Hanafi bin Mat Hassan v Public Prosecutor* [2006] 4 MLJ 134; [2006] 3 CLJ 269).

[57] Justice Shaik Daud Ismail JCA (as he then was) in the case of *Gnanasegaran a/l Pararajasingam v Public Prosecutor* [1997] 3 MLJ 1; [1997] 4 CLJ 6 had this to say at p 7:

> [2a] Sub-section (1) of s 90A allows the production of computer generated documents or statements if there is evidence, firstly, that they were produced by a computer, and secondly, that the computer produced them in the course of its ordinary business. However, once the prosecution adduce evidence through a bank officer that the document is produced by a computer, it is not incumbent upon them to also produce a certificate under sub-s (2), as sub-s (6) provides that a document produced by a computer shall be deemed to be produced by the computer in the course of its ordinary use.

[58] Further on, he added at pp 17–18:

> On reading through s 90A of the Act, we are unable to agree with the construction placed by learned counsel. First and foremost, s 90A which had seven subsections should not be read disjointedly. They should be read together as they form one whole provision for the admissibility of documents produced by computers. As stated earlier, s 90A was added to the Act in 1993 in order to provide for the admission of computer produced documents and statements as in this case. On our reading of this section, we find that under sub-s (1), the law allows the production of such computer-generated documents or statements if there is evidence, firstly, that they were produced by a computer. Secondly, it is necessary also to prove that the computer is in the course of its ordinary use. In our view, there are two ways of proving this. One way is that it 'may' be proved by the production of the certificate as required by sub-s (2). Thus, sub-s (2) is permissive and not mandatory. This can also be seen in sub-s (4) which begins with the words 'Where a certificate is given under sub-s (2).

[59] With the same view, Mahadev Shanker JCA (as he then was) in the same case said at p 8:

> [1] Section 90A was enacted to bring the 'best evidence rule' up to date with the realities of the electronic age. The effect of s 90A(1) in the present scenario is that it is no longer necessary to call the actual teller or bank clerk who keyed in the

A data to come to court provided he did so in the course of the ordinary use of the computer.

[60] These authorities propelled me to reconsider the issue of admissibility of these four documents.

B [61] On the available evidence, it is undisputed that these four documents fall within the category of documents as prescribed under s 3 of Evidence Act 1950 and therefore it must follow the procedure and requirements under s 90A of Evidence Act for it to be admitted as evidence. There was no issue that the first accused's handphone was in good working order and that documents were produced 'by the computer in the course of its ordinary use'.

C [62] I am of the view that s 90A(2) of the Evidence Act is not the only method to prove that a document was produced by a computer 'in the course of its ordinary use'. By referring to the case of *Gnanasegaran a/l Pararajasingam v Public Prosecutor*, it can be said that producing certificate under s 90A(2) of Evidence Act is only permissive and not mandatory. Therefore, the failure by the defence to tender the

D certificate under s 90A of Evidence Act is not fatal.

[63] Be that as it may, by referring to the note of proceeding dated 14 March 2018, these four exhibits ie, D176, D177, D186 and D193 were positively identified by the investigating officer ('SP9') and that these four screenshots from the first

E accused's Facebook were the same as original contained in the first accused's Iphone (exh 106B). Thus, the oral evidence by SP9 confirming the content in the first accused's handphone is sufficient to fulfill the requirement under s 90A of the Evidence Act. With that, D176, D177, D186 and D193 should remain as exhibits at this stage. As such, there was no necessity for me to reverse my earlier

F ruling on this issue.

[90] Berdasarkan di atas alasan-alasan yang diutarakan di atas, kami mendapati hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah terkhilaf apabila menerima masuk eksh D26 sebagai keterangan. Pada hemat kami IDD26

G tidak sepatutnya dijadikan sebagai ekshibit. Kami bersependapat dengan dapatan hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana bila beliau memutuskan bahawa pihak pembelaan gagal untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah s 90A Akta Keterangan 1950.

H *Pertikaian kedua: Sama ada keterangan SD3 telah menimbulkan suatu keraguan munasabah dalam kes pendakwaan*

[91] Pada hemat kami, keterangan SB3 tidak sedikit pun mampu untuk melemahkan kekuatan kes pendakwaan apatah lagi untuk menimbulkan

I keraguan di dalam kes pendakwaan. SD3 ini hanya hadir di peringkat pembelaan sebagai saksi 'bidan terjun' sahaja. Kami berpandangan sedemikian kerana jika benar SD3 ini bekerja sebagai tukang urut dengan tertuduh kedua, kami percaya SB3 pasti mengenali mangsa kerana mereka berdua bekerja di bawah penyeliaan dan pengawasan majikan yang sama iaitu tertuduh kedua.

[92] SB3 juga sepanjang keterangannya tidak pernah menyebut apa-apa pun mengenai diri mangsa. Lebih menghairankan lagi, pihak pembelaan semasa pemeriksaan balas ke atas mangsa tidak pernah menimbulkan walau sepatah soalan pun mengenai kehadiran SD3 kepada mangsa sebagai 'teman sekerjanya'. Kenapa hendak sembunyikan kewujudan SB3 daripada mangsa?

[93] Pada hemat kami, kemunculan watak SB3 secara mendadak ini hanyalah merupakan suatu pemikiran terkemudian dan rekaan semata-mata sebagai ikhtiar terakhir untuk cuba melepaskan perayu daripada pertuduhan yang dihadapinya ini. Malangnya usaha ini tidak membuahkan hasil yang diharapkan.

[94] Tiada keterangan yang menunjukkan SB3 mengetahui apakah pekerjaan sebenar yang dilakukan oleh mangsa sedangkan mengikut keterangan mangsa sendiri beliau telah dipaksa, dipukul untuk memberikan perkhidmatan seks dan bukan perkhidmatan urut seperti yang dijanjikan. Keterangan mangsa ini diperkemaskan lagi dengan keterangan SP4 yang telah pergi ke premis tersebut dan telah membuat pembayaran kepada tertuduh kedua bagi mendapatkan perkhidmatan seks daripada mangsa.

[95] Tiada keterangan yang dizahirkan oleh SB3 untuk menafikan tentang kebenaran penyataan mangsa dan SP4 ini. Keterangan SB3 ini juga tidak mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan mangsa. Keterangan SB3 ini hanyalah berkisar mengenai dirinya dan pekerjaan sahaja dan tertuduh kedua sahaja. Dengan itu kebolehterimaan keterangan SB3 ini amat diragui kesahihannya.

[96] Berdasarkan kepada dapatan di atas, pada hemat kami tujuan SB3 ini dipanggil sebagai saksi pembelaan hanyalah bermatlamat untuk membantu menyokong keterangan tertuduh kedua supaya keterangannya ini seiring dan senada dengan keterangan tertuduh kedua yang yang dikatakan berperanan sebagai seorang ejen yang mengambil upah 30% bagi setiap pelanggan yang diperkenalkan kepada SB3 bagi perkhidmatan urutnya dan bukan untuk perkhidmatan seks adalah suatu pembohongan semata-mata kerana ianya tidak pernah ditimbulkan semasa kes pendakwaan. Tiada keraguan yang mampu dicapai melalui keterangan SB3 ini.

[97] Pembohongan yang dilakukan oleh perayu melalui 'saksi jelmaan' SB3 ini telah menyokong dan menguatkan lagi keterangan kes pendakwaan. Mahadev Shankar H (beliau pada ketika itu) di dalam kes *Kurchang Singh Wedhawa Singh v Public Prosecutor* [1989] 2 CLJ 442 memutuskan seperti berikut:

> Corroboration may come from the other prosecution witnesses, or from the accused. Deliberate lies or incriminating conduct in a material particular can

constitute corroboration. See *R v Lucas* [1981] 73 Cr App Rep 159. The abduction of the complainant from Damansara to Sungei Way was confirmed by the appellant himself. That the screams of the complainant and her state of total nudity also constitute corroboration because they have been testified to by an independent source is amply demonstrated by the decision of the full bench of the Federal Court of Australia in *Peterson & Ors v R* [1979-80] 23 ALR p 641. That was a case of gang rape where it was unsuccessfully contended that the naked plight of the complainant from the gang rapists and her screams was not corroboration.

Pertikaian ketiga: Sama ada perayu telah memperdagangkan mangsa bagi tujuan eksploitasi seks

(a) perayu telah menawarkan pekerjaan yang difahami oleh mangsa sebagai pekerjaan maksiat melalui aplikasi *Facebook*;

(b) tertuduh kedua mengambil mangsa dari Stesen Bas Terminal Bersatu Selatan Kuala Lumpur, lalu membawa mangsa ke rumahnya;

(c) perayu telah berbincang dengan mangsa tentang pekerjaan dan pendapatan yang bakal diperolehi oleh mangsa;

(d) tertuduh kedua membawa mangsa ke Apartment Scott Garden dan pada malamnya perayu dan tertuduh kedua membawa mangsa ke sebuah hotel untuk melayan dan mengadakan hubungan seks dengan pelanggan selama semalam; dan

(e) perayu dan tertuduh kedua telah mengatur tiga orang lagi pelanggan datang ke apartment tersebut untuk membuat hubungan seks dengan mangsa.

[98] Bersandarkan kepada petikan keterangan-keterangan di atas dapatlah kami simpulkan bahawa terdapat keterangan yang melimpah-ruah yang membuktikan bahawa perayu dan tertuduh kedua telah membuat perancangan bersama untuk memperdagangan mangsa bagi tujuan eksploitasi seks.

[99] Keterangan mangsa tentang dirinya diperalatkan untuk tujuan seks ini diperkuatkan lagi dengan keterangan tambahan yang diberikan oleh SP4 yang mengatakan bahawa beliau pergi ke apartment tersebut untuk melakukan hubungan seks dengan mangsa. Setelah SP4 membayar RM500 kepada tertuduh kedua barulah SP4 dibenarkan naik ke apartment tersebut. Tujuan SP4 melanggan mangsa adalah untuk mendapatkan perkhidmatan seks dan bukannya perkhidmatan urut. SP4 adalah seorang saksi yang bebas, kredibel, boleh dipercayai dan tiada sebab untuk bercakap bohong serta tiada motif untuk menganiaya perayu dan tertuduh kedua. Malah tiada juga keperluan untuk pihak pendakwaan membuktikan bahawa SP4 benar-benar telah melakukan hubungan seks dengan mangsa kerana sebelum itu pun mangsa

sendiri telah mengakui ada melayan dan melakukan hubungan seks dengan pelanggan- pelanggan lain sebelum kedatangan SP4.

Pertikaian keempat: Inferens berkenaan motif mangsa untuk menyebarkan video seks dan gambar bogel tertuduh kedua jika gagal membayar RM30,000 kepadanya

[100] Pada hemat kami, pergantungan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana kepada eksh D26 untuk membuat inferens berkenaan motif SP1 terhadap perayu dan tertuduh kedua berkaitan isu ini adalah suatu kekhilafan bukan sahaja terhenti setakat eksh D26 ini tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan tetapi ianya tidak berpaksikan kepada keterangan-keterangan yang boleh kami rumuskan seperti berikut:

(a) keterangan perayu dan tertuduh kedua bahawa mangsa ada membuat ugutan terhadap mereka. Semasa pemeriksaan balas, mangsa tidak setuju bahawa dia telah mengugut perayu dan tertuduh kedua untuk menyebarkan video seks dan gambar bogel tertuduh kedua jika tidak dibayar RM30,000 kepadanya;

(b) keterangan perayu dan tertuduh kedua yang mengakui tidak membuat laporan polis di atas ugutan tersebut. Jika benar ugutan ini dilakukan oleh mangsa (ini dinafikan) mengapa perayu dan tertuduh kedua tidak bertindak pantas untuk membuat laporan polis berkaitan ugutan serius tersebut supaya mangsa dapat diberkas oleh pihak polis. Kami percaya perayu dan tertuduh kedua takut untuk berbuat demikian kerana bimbang aktiviti haram yang mereka berdua lakukan secara tersembunyi ini akan terbongkar akhirnya bila siasatan dijalankan oleh pihak polis; dan

(c) keterangan perayu dan tertuduh kedua yang mengakui ada membayar RM15,000 kepada mangsa. Bagi menutup mulut mangsa daripada mendedahkan aktiviti perayu dan tertuduh kedua memperdagangkan mangsa bagi maksud ekploitasi seks, tertuduh kedua sanggup untuk membuat bayaran sebanyak RM15,000 kepada mangsa bagi memujuk mangsa menarik balik laporan polisnya.

Pertikaian kelima: Sama ada benar mangsa di kurung dan dikunci di apartment tersebut

[101] Tidak wujud keraguan di minda kami bahawa mangsa telah dikunci di dalam apartment tersebut. Ini bersandarkan kepada keterangan-keterangan berikut:

(a) Keterangan SP1 (mangsa):

(i) perayu dan tertuduh kedua mengunci pintu apartment tersebut

dan mangsa tidak ada kunci untuk keluar selepas mangsa memberitahu bahawa dia mengandung dan tidak mahu meneruskan pekerjaannya;

(ii) apabila pelanggan datang untuk mendapatkan perkhidmatan seks daripada mangsa, perayu dan tertuduh kedua bergilir-gilir membuka dan menutup pintu apartment tersebut;

(iii) mangsa cuba untuk membuka pintu apartment tersebut namun tidak berjaya;

(iv) mangsa menghubungi nombor 999 melalui telefon bimbitnya memaklumkan dirinya dikurung di dalam apartment tersebut; dan

(v) polis membuka kunci pintu apartment tersebut.

(b) Keterangan SP3:

(i) ketika SP3 sampai di apartment tersebut bersama sepasukan polis, SP3 melihat mangsa berada di bahagian dalam pintu grill dan minta lepaskan diri dari dikurung;

(ii) pintu grill berkunci dengan mangga dan SP3 mengarahkan anggotanya untuk memecahkan mangga pintu grill tersebut; dan

(iii) SP3 mengarahkan anggotanya untuk memecahkan mangga pintu grill tersebut.

(c) Keterangan SP4:

(i) ketika SP4 tiba di apartment tersebut, tertuduh kedua membuka pintu; dan

(ii) mangsa memberitahu SP4 bahawa dia mahu lari tetapi tidak mempunyai kunci dan tidak boleh keluar.

Pertikaian keenam: Sama ada niat bersama di bawah s 34 Kanun Keseksaan dibuktikan

[102] Niat bersama perayu dan tertuduh kedua untuk melakukan kesalahan ini telah dibuktikan melalui keterangan-keterangan berikut:

(a) penglibatan mangsa dengan perayu dan tertuduh kedua bermula bila mana mangsa berkenalan dan berbual dengan perayu secara maya;

(b) mangsa dijemput oleh perayu dan tertuduh kedua di stesen terminal bas di Kuala Lumpur;

(c) perbincangan tentang bayaran gaji kepada mangsa;

(d) perayu dan tertuduh kedua telah mencari pelanggan-pelanggan untuk mangsa dan mengutip bayaran;

(e) perayu dan tertuduh kedua telah menyediakan satu unit apartment untuk mangsa menjalankan pekerjaannya;

(f) perayu dan tertuduh kedua bergilir-gilir menjaga pintu akses bagi pelanggan masuk ke dalam apartment tersebut bagi melanggan mangsa;

(g) mangsa membangkitkan bantahannya untuk terus melakukan pekejaan sebagai pelacur kepada perayu. Namun, perayu masih memaksa mangsa untuk melacur; dan

(h) tertuduh kedua telah memukul mangsa bagi memastikan mangsa mengikuti arahannya untuk melayani pelanggan.

[103] Bagi melengkapkan isu berkaitan niat bersama ini, kami perturunkan beberapa autoriti-autoriti duluan berkaitan s 34 Kanun Keseksaan sebagai panduan dan rujukan.

[104] Menyingkap kembali pada tahun 1983, Hashim Yeop A Sani (beliau pada ketika itu) di dalam kes *Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232; [1983] 1 CLJ 138; [1983] CLJ Rep 721 mengatakan (pada ms 267 (MLJ); 749 (CLJ)):

> Under s 34 of the Penal Code, to succeed the prosecution must prove that the criminal act was done in concert pursuant to the prearranged plan or arrangement. In practice it is of course difficult to produce direct evidence to prove the intention of an individual. In most cases, however, it can be inferred from his act or conduct or other relevant circumstances of the case (see *Mahbub Shah v King Emperor* [1945] 72 IA 148,153).
>
> It is also a common-sense principle that if two or more persons intentionally do a thing jointly it is just the same as if each of them had done it individually. If two or more persons combine in injuring another in such a manner that each person engaged in causing the injury must know that the result of such injury may be the death of the injured person, it is no answer on the part of any one of them to allege and perhaps prove, that his individual act did cause death, and that by his individual act he cannot be held to have intended death. Every one must be taken to have intended the probable and natural results of the combination of acts in which he joined.
>
> Thus, it is clear that the leading feature of s 34 of the Penal Code is the element of participation in action. Two preliminary elements are in fact necessary to fulfill the requirement of s 34. First, there must be evidence (direct or by inference) the accused was present at the scene of the crime. Secondly, there must be evidence to show that there was prior concert or prearranged plan involving the accused. This is logical because how can there be participation without physical presence. Even passive participation may require physical presence.

[105] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Ahmad Majmi bin Idris & Anor v Public Prosecutor and another appeal* [2014] 3 MLJ 368; [2014] 1 LNS 148

menerangkan pemakaian undang-undang berkaitan s 34 Kanun Keseksaan sepertimana berikut:

> ... In our judgment, when s 34 of the Code is invoked, there is no requirement to prove who actually or ultimately caused the death of the deceased as was held in *Ong Chee Hoe v Public Prosecutor* [1999] 4 SLR 688 as follows:
>
> > In any case, the effect of invoking s 34made it unnecessary to determine who exactly the actual doer of the offence in question was.'

[106] Di dalam situasi yang hampir sama juga, di dalam kes *(1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng, and (4) Ng Ah Kiat v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 336; [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ Rep 241 Mahkamah Agung bercakap melalui Syed Agil Barakbah SCJ (beliau pada ketika itu) telah menggariskan undang-undang yang harus dipakai berkaitan persoalan niat bersama di mana beliau mengatakan (di ms 344–345 (MLJ) 251–252 (CLJ) seperti berikut:

> In law, common intention requires a prior meeting of the minds and presupposes some prior concert. Proof of holding the same intention or of sharing some other intention, is not enough. There must be proved either by direct or by circumstantial evidence that there was: (a) a common intention to commit the very offence of which the accused persons are sought to be convicted; and (b) participation in the commission of the intended offence in furtherance of that common intention.
>
> Where the prosecution case rests on circumstantial evidence, the circumstances which are proved must be such as necessarily lead only to that inference. Direct evidence of a prior plan to commit an offence is not necessary in every case because common intention may develop on the spot and without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. In such a case, common intention may be inferred from the facts and circumstances of the case and the conduct of the accused (see *The Supreme Court (of India) on Criminal Law 1950–1960* by JK Soonavala p 188–193).

Pertikaian ketujuh: Sama ada pembelaan berjaya menimbulkan keraguan munasabah

[107] Perayu gagal menimbulkan keraguan di dalam kes pendakwaan bersandarkan kepada keterangan-keterangan berikut:

(a) pembelaan perayu bahawa mangsa tidak dikurung di dalam apartment tersebut adalah bersifat penafian semata-mata;

(b) penafian perayu tidak boleh mengatasi keterangan positif yang diberikan oleh mangsa, SP3 dan SP4 bahawa mangsa telah dikurung di dalam apartment tersebut. Pintu apartment dikunci oleh perayu dan tertuduh kedua; dan

(c) pembelaan perayu bahawa mangsa mengurut badan pelanggan yang dicari oleh tertuduh kedua dengan tertuduh kedua mengambil 30%

bayaran mengurut dan baki selebihnya diserahkan kepada mangsa adalah bersifat pemikiran terkemudian. Ini adalah kerana pihak pembelaan tidak pernah menimbulkan isu ini di peringkat kes pendakwaan, tidak pernah dicadangkan kepada mangsa dan hanya dibangkitkan buat pertama kali di tahap kes pembelaan.

[108] Di dalam kes *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561; [1992] 1 CLJ Rep 285, Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti berikut:

> Indeed, it behoves the defence to do so (to put its case at the earliest possible stage) for we need hardly say that if a defence is sprung in court for the first time when the accused makes his defence from the witness box or the dock, so that the prosecution is taken by surprise, the accused runs the risk of being criticized for keeping his defence 'up his sleeve' so to speak, and it being branded as a recent invention.

[109] Di dalam kes *Megat Halim bin Megat Omar v Pendakwa Raya* [2008] MLJU 647; [2009] 1 CLJ 154, Mahkamah Rayuan memutuskan seperti berikut:

> Although in our criminal jurisprudence, there is no burden on an accused person to prove his innocence but merely for him to raise a reasonable doubt as to his guilt, it is trite that his defence should be put to the prosecution at an early stage during the prosecution case. Failure to do so may move the trial court to dismiss a particular line of defence as an afterthought, or a recent invention as happened in this case.

(a) pembelaan perayu dan tertuduh kedua bahawa mereka tidak menjalankan aktiviti pelacuran hanyalah suatu penafian semata-mata. Penafian perayu ini tidak berupaya untuk mengatasi keterangan jelas mangsa dan SP4 bahawa mangsa telah diperdagangkan bagi maksud eksploitasi seks oleh perayu dan tertuduh kedua;

(b) pembelaan perayu dan tertuduh kedua bahawa motif mangsa mendakwa perayu dan tertuduh kedua mengurung dan memaksa mangsa untuk bekerja sebagai pelacur kerana mereka tidak memberi wang kepada mangsa adalah bersifat penafian semata-mata; dan

(c) penafian perayu tidak dapat mengatasi keterangan padu mangsa, SP3 dan SP4 bahawa perayu dan tertuduh kedua telah mengunci dan mengurung mangsa di dalam apartment tersebut untuk eksploitasi seks.

[110] Di dalam kes *DA Duncan v Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 195, Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Raja Azlan Shah CJ telah memutuskan seperti berikut:

> The defence was, in effect, a simple denial of the evidence connecting the appellant with the four boxes. We cannot see any plausible ground for saying that the four boxes were not his. In the circumstances of the prosecution evidence, the High

Court came, in our view, to the correct conclusion that this denial did not cast a doubt on the prosecution case against the appellant.

[111] Di dalam *Public Prosecutor v Lim Chooi Huat & Anor* [2011] MLJU 852, mahkamah memutuskan seperti berikut:

> I am of the view that OKT2 is an unreliable witness and his evidence is unacceptable. OKT2's evidence was riddled with bare denials. And it is settled law that a bare denial is not a defence: see the Federal Court case of *DA Duncan v Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 196.

[112] Di dalam kes *Thiagarajan Selvam v Public Prosecutor* [2014] 1 LNS 1796, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Mohtarudin Baki HMR (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

> [14] Kami bersetuju sebulat suara, bahawa pembelaan hanyalah merupakan penafian semata-mata, ianya tidak berupaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.
>
> Di dalam kes *Public Prosecutor v Ling Tee Huah*: 'A mere denial without other proof to reasonably dislodge the prosecution's evidence is not sufficient'.

KESIMPULAN

[113] Berdasarkan kepada kupasan di atas, penghujahan bertulis dan lisan oleh kedua-dua pihak, kami sebulat suara mendapati tidak terdapat sebarang merit di dalam rayuan ini untuk mewajarkan kami mengganggu dapatan terperinci yang telah dibuat hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana. Sabitan adalah selamat untuk dikekalkan. Rayuan perayu terhadap sabitan ditolak.

[114] Bagi hukuman pula, setelah kami mengambil pertimbangan faktor kepentingan awam dan mitigasi perayu serta peranan yang dimainkan oleh perayu di dalam kes ini yang dıdapati tidaklah seaktif tertuduh kedua, kami sebulat suara mendapati hukuman pemenjaraan selama sepuluh tahun yang dijatuhkan oleh hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana adalah terlalu tinggi. Hukuman kini dikurangkan kepada lima tahun pemenjaraan berkuatkuasa dari tarikh hari ini iaitu 4 Januari 2024. Waran komital dikeluarkan. Wang jaminan sebanyak RM20,000 dikembalikan kepada penjamin.

[115] Sayugia diperjelaskan bahawa pengurangan hukuman ini tidaklah bermaksud mahkamah yang mulia ini memandang ringan kesalahan dilakukan oleh perayu ini. Tidak sama sekali. Tidak dinafikan bahawa kesalahan yang dilakukan ini adalah serius kerana mangsa telah ditipu, dimanipulasi sepenuhnya dan berada di bawah pengawasan ketat serta dipaksa melacurkan diri. Pengurangan tempoh hukuman pemenjaraan ini diberikan hanyalah setelah kami memberi pertimbangan teliti dan mendalam dari

pelbagai sudut termasuklah peranan sandaran (*backup role*) yang dimainkan oleh perayu membantu pelaku utama di dalam episod ini iaitu suaminya sendiri (tertuduh kedua). A

[116] Sebelum melabuh tirai penghakiman ini adalah penting untuk ditegaskan bahawa pemerdagangan manusia merupakan perhambaan zaman moden. Pemerdagangan manusia menimbulkan pelbagai ancaman dan meninggalkan kesan sosial yang teruk terhadap kebebasan seseorang, apatah lagi jika mangsa digunakan bagi maksud eksploitasi seks melalui jalan menggunakan kekerasan dan paksaan. B C

[117] Aktiviti pemerdagangan manusia di peringkat global sangat membimbangkan dan meninggalkan kesan negatif kepada negara yang terlibat. Ia menjadi laluan kepada pelbagai permasalahan yang merangkumi pelacuran, buruh paksa, jenayah, jenayah berat dan perlanggaran hak asasi manusia. Krisis kemanusiaan melalui cara pemerdagangan manusia pasti mencemarkan imej negara di mata dunia, mengancam keselamatan dan keamanan negara dan menjejaskan hubungan diplomatik antara negara terbabit. D E

[118] Menurut *Pemerdagangan Manusia 2011* keluaran kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur, Malaysia menjadi negara destinasi bagi banyak imigran dari luar negara khususnya dari Indonesia, Nepal, India, Thailand, China, Filipina, Burma, Kemboja, Bangladesh, Pakistan, dan Vietnam dengan tujuan untuk mencari peluang ekonomi yang lebih besar. Kenyataan ini amat meresahkan dan menakutkan. F

[119] Mengenai statistik kes pemerdagangan manusia di negara ini, kami ingin memetik kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar bin Nasarah semasa sesi Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat Kuala Lumpur pada 12 Mac 2024, bila beliau mengatakan seperti berikut: G

> Sebanyak 289 kes pemerdagangan manusia direkodkan di negara ini dalam tempoh 2022 hingga setakat tahun ini. Sebanyak 526 tangkapan dilakukan, dengan 992 mangsa diselamatkan dalam tempoh sama. Untuk tahun 2024 (setakat ini), sebanyak 38 kes pemerdagangan orang dan melibatkan 59 tangkapan. Sebanyak 141 orang diselamatkan. H

[120] Usaha gigih secara berterusan dan menyeluruh harus dilakukan sepantas kilat oleh pihak berkuasa bagi menangani dan membanteras jenayah pemerdagangan manusia daripada berleluasa supaya imej negara terpelihara dan tidak terjejas di mata dunia. I

[121] Adalah diharapkan agar hukuman pemenjaraan yang dikenakan kepada perayu ini bisa menjadi pengajaran bernilai kepadanya supaya tidak menjerumuskan dirinya lagi di dalam industri seks ini semata-mata untuk mendapatkan pendapatan yang lumayan melalui jalan yang singkat dan haram ini yang pada penghujungnya hanya mengundang padah dan kebinasaan pada dirinya sendiri dan keluarganya. Menangis berair mata darah sekali pun tidak akan membawa apa-apa erti lagi.

[122] Hukuman ini juga menjadi suatu amaran keras kepada sesiapa sahaja yang mempunyai hasrat untuk bergelumang di dalam perniagaan yang tidak mempunyai nilai perikemanusiaan ini supaya berfikir sedalam air lautan sebelum terjebak di dalam kancah jenayah yang sangat menjijikkan ini. Harus beringat sebelum terjadi. Jangan jadi seperti ungkapan beberapa peribahasa melayu yang indah:

sudah kalah baru berkubu;

sudah terhantuk baru terngadah; dan

sudah kecurian baru mengunci pintu.

Rayuan terhadap sabitan ditolak; rayuan terhadap hukuman dibenarkan.

Dilaporkan oleh K Selvaraju